



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ETKWW

**TAJUK: PENGLIBATAN KOMUNITI JAWI
PERANAKAN DALAM PEMULIHARAAN BUDAYA
PERKAHWINAN: KAJIAN DI GEORGE TOWN, PULAU
PINANG.**

Oleh

Nur Najihah Binti Hashaim

Projek penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian.

Fakulti teknologi kreatif dan warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh _____ sehingga _____

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan

981211-07-5266

No. Kad Pengenalan

Tarikh : 27 FEBRUARI 2022



Tandatangan Penyelia

DAENG HALIZA BINTI DAENG JAMAL

Nama Penyelia

Tarikh : **27022022**

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat ilahi dengan limpah kurniaNya, projek penyelidikan ini telah berjaya disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada yang tidak terhingga kepada Dr. Daeng Haliza Binti Daeng Jamal, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan dan bimbingan dalam penghasilan projek penyelidikan ini.

Dalam kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang telah banyak memberi semangat untuk menyiapkan projek penyelidikan ini.

Dengan doa mereka saya mampu meneruskan perjuangan dalam menghasilkan projek penyelidikan. Pengorbanan mereka amat saya hargai dan dikenang selalu.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ETKWW

ISI KANDUNGAN

		MUKA SURAT
PERAKUAN TESIS		i
PENGHARGAAN		ii
ISI KANDUNGAN		iii – vi
SENARAI JADUAL		vii
SENARAI RAJAH		vii
ABSTRAK		viii
BAB I PENDAHULUAN		
1.1	Pengenalan	1 - 4
1.2	Permasalahan Kajian	5
1.3	Persoalan Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Skop Kajian	6
1.6	Definisi Operational	7
	1.6.1 Komuniti	7 - 9
	1.6.2 Jawi Peranakan	9
	1.6.3 Pemuliharaan	9 - 10
1.7	Kepentingan Kajian	10
	1.7.1 Masyarakat dan Komuniti Jawi Peranakan	10
	1.7.2 Negara	10 - 11
	1.7.3 Warisan Budaya	11

1.8	Organisasi Penulisan	12
BAB II SOROTAN KAJIAN		
2.1	Pengenalan	13
2.2	Model <i>A Ladder of Citizen Participant</i> (Arnstein, 1969)	14 - 15
2.3	Sorotan Kajian Lepas	16
	2.3.1 Jawi Peranakan	17 - 21
	2.3.2 Pemuliharaan	21 - 24
	2.3.3 Budaya Perkahwinan	24 - 28
2.4	Kerangka Teoritikal	29 - 32
2.5	Kesimpulan	33
BAB III METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pengenalan	34
3.2	Reka Bentuk Kajian	35
	3.2.1 Kualitatif	35 - 37
	3.2.2 Kuantitatif	37
3.3	Proses pengumpulan data	37 - 38
	3.3.1 Data Primer	38 - 41

3.3.2	Data Sekunder	41 - 42
3.3.3	Persampelan	42 - 43
3.4	Kaedah Analisis Data	43
3.4.1	Analisis Data Kualitatif	43
3.4.2	Analisis Data Kuantitatif	44 - 46
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	46 - 47
3.6	Kesimpulan	48
BAB IV ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN		
4.1	Pengenalan	49
4.2	Analisis Dapatan Temu Bual	50 - 51
4.3	Analisis Jawi Peranakan	52
4.3.1	Taburan komuniti Jawi Peranakan	52 - 53
4.3.2	Sejarah pembetulan Jawi Peranakan di Pulau Pinang	53 - 55
4.3.3	Gelaran komuniti Jawi Peranakan	55 - 56
4.4	Faktor perubahan budaya Jawi Peranakan	56
4.4.1	Budaya perkahwinan asal Jawi Peranakan	57 - 58
4.4.2	Perubahan perkahwinan Jawi Peranakan	58 - 59

4.4.3	Inisiatif pemuliharaan budaya Jawi Peranakan	59 - 60
4.4.4	Faktor perubahan budaya perkahwinan Jawi Peranakan	60 - 62
4.5	Tahap penglibatan Jawi Peranakan dalam pemuliharaan budaya perkahwinan	62 - 63
4.6	Analisis dapatan soal selidik	63
4.6.1	Demografi responden	64 - 65
4.6.2	Pengetahuan tentang sejarah pembentukan Jawi Peranakan di Pulau Pinang	65 - 68
4.6.3	Faktor perubahan budaya perkahwinan Jawi Peranakan	69 - 73
4.6.4	Tahap penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam pemuliharaan budaya perkahwinan	73 - 78
4.7	Kerangka Model <i>Ladder of Citizen Participant</i> (Arnstein 1967)	78 - 82
4.8	Kesimpulan	83- 84
BAB V RUMUSAN DAN PENUTUP		
5.1	Rumusan	85 - 88
5.2	Penutup	88 - 89
RUJUKAN		90 - 92
LAMPIRAN		93 - 110

SENARAI JADUAL

NO		HALAMAN
3.1	Jadual saiz sample Krejcie & Morgan (1970)	39
4.1	Kod responden dan huraian	50
4.2	Maklumat responden	51
4.3	Tema dan sub tema temu bual	51
4.4	Demografi responden	64
4.5	Pengetahuan tentang sejarah pembentukan Jawi Peranakan Pulau Pinang	68
4.6	Faktor Perubahan budaya perkahwinan	72
4.7	Tahap penglibatan Jawi Peranakan dalam pemuliharaan budaya perkahwinan	76

SENARAI RAJAH

NO		HALAMAN
2.1	Model Ladder of Citizen Participant (Arnstein, 1967)	29
2.2	Kerangka teoritikal	32
3.1	Proses analisis tematik	44
4.1	Kerangka model Ladder of Citizen Participant (Arnstein, 1967)	82

**PENGLIBATAN KOMUNITI JAWI PERANAKAN DALAM PEMULIHARAAN
BUDAYA PERKAHWINAN: KAJIAN DI GEORGE TOWN, PULAU PINANG**

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meneroka sejarah awal pembentukan Jawi Peranakan di Pulau Pinang, mengenalpasti faktor budaya perkahwinan Jawi Peranakan semakin berubah serta melihat penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam pemuliharaan budaya perkahwinan mereka. Kaedah kajian yang digunakan untuk memperoleh data yang menjawab kepada persoalan dan objektif kajian ialah kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif menggunakan temu bual, manakala bagi kaedah kuantitatif menggunakan soal selidik melalui *Google form*. Kajian ini menggunakan model '*Ladder of Citizen Participation*' Arnstein (1969) untuk melihat tahap penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam pemuliharaan budaya mereka. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, komuniti Jawi Peranakan kurang mengambil bahagian dalam aktiviti pemuliharaan budaya perkahwinan mereka. Perubahan budaya perkahwinan yang berlaku disebabkan oleh perubahan zaman, generasi muda tidak lagi mengamalkan budaya sebenar mereka serta budaya mereka bertentangan dengan ajaran Islam.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Menurut Omar Yusoff (2005), Malaysia merupakan sebuah negara yang kecil namun penduduk yang tinggal di negara ini terdiri daripada pelbagai keturunan. Kepelbagaian kaum mula terbentuk di Melaka selepas Sultan Mansur Shah berkahwin dengan Puteri Hang Li Po. Perkahwinan campur ini berlaku kerana China ingin mengeratkan lagi hubungan diplomatik dengan Melaka. Di tambah pula dengan kemasukkan imperialis Barat seperti Portugis, Belanda dan British yang membuka peluang kepada pendatang dan pedagang luar untuk berhijrah dan berkahwin dengan orang tempatan (Ishak Saat, 2005). Adat dan budaya masyarakat peranakan di Malaysia mempunyai keunikan yang tersendiri. Perkahwinan campur di antara pendatang asing dengan wanita Melayu telah membawa kepada peranakan yang ada pada hari ini. Peranakan yang terhasil daripada perkahwinan campur di Malaysia adalah Cina Peranakan, Baba Nyonya, Jawi Peranakan, Peranakan Parsi sebagainya (Noriah Mohamed & Omar Yusoff, 2010).

Peranakan bermaksud masyarakat yang berdarah campuran sesuatu keturunan dengan orang Melayu yang dilahirkan di Tanah Melayu dan agamanya Islam. Perkataan Jawi Peranakan pula terhasil dari perkahwinan campur antara lelaki India muslim, Arab dengan wanita Melayu. Terdapat banyak gelaran nama Jawi Peranakan antaranya ialah Jawi Pekan, Melayu Bazaar, Jawi Peranakan Keling dan sebagainya (Vaughan, 1857). Masyarakat Jawi Peranakan telah lama wujud di negeri Kedah, Perak, Melaka sebelum terbentuknya di Pulau Pinang. Menurut Omar Yusoff (2010), pembentukan Jawi Peranakan di Pulau Pinang

disebabkan oleh dasar buka pintu pada zaman British. Dasar ini telah menarik minat masyarakat untuk menjalankan perniagaan di Pulau Pinang. Masyarakat Jawi Peranakan lazimnya menjalankan aktiviti perdagangan rempah, arang, beras, emas dan sebagainya. Masyarakat ini juga dikenali dengan rupa paras yang menawan dan kekayaan mereka. Masyarakat Jawi Peranakan mempunyai nama keluarga sebagai untuk mengenali keturunan mereka. Contoh nama keluarga Jawi Peranakan adalah Merican dan Bee (Azmi Iskandar Merican, 2010).

Ahli keluarga Merican masih lagi mengekalkan dan menggunakan nama keluarga pada penghujung nama mereka namun nama keluarga ini akan hilang sekiranya anak perempuan mereka berkahwin dengan kaum yang bukan daripada kaum Merican. Kebiasaannya anak perempuan tidak mewarisi nama keluarga ini. Anak lelaki sahaja yang mewarisi nama Merican untuk generasi seterusnya. Jika tidak, gelaran Merican dan satu identiti komuniti Jawi Peranakan akan hilang. Melalui penggunaan nama Merican akan memudahkan kaum mereka untuk mengenali saudara-mara masing-masing. Susur galur keluarga Merican merujuk kepada kaum kerabat Kapitan Keling. Kapitan Keling atau nama sebenar Cauder Moheedin merupakan ketua bagi masyarakat India Muslim. Beliau dilantik oleh kerajaan Inggeris kerana beliau seorang yang berpengaruh dalam aktiviti perniagaan (Azmi Iskandar Merican, 2010).

Pelbagai adat dan budaya yang dibawa oleh komuniti Jawi Peranakan di Malaysia hasil dari percampuran budaya Arab, India dengan Melayu. Pada zaman dahulu, perumahan komuniti Jawi Peranakan terletak di sekitar Tanjung Tokong. Komuniti ini mempunyai keunikan budaya yang tersendiri. Namun, keunikan budaya mereka semakin hilang ditelan

zaman. Hal ini kerana, generasi muda komuniti ini tidak lagi mengamalkan adat dan budaya yang diturunkan kepada mereka (Omar Yusoff, 2010). Komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang sedang mengalami kepupusan kerana peredaran zaman yang semakin moden. Tambahan pula sesetengah dari masyarakat Jawi Peranakan mendaftarkan anak-anak mereka sebagai Melayu kerana mempunyai kepentingan seperti mendapatkan hak keistimewaan orang Melayu dari segi pendidikan dan pekerjaan (Omar Yusoff, 2010).

Komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang semakin berkurangan kerana kebanyakan daripada mereka sudah menjadi Melayu. Selain itu, komuniti ini telah berhijrah ke negeri lain untuk meneruskan kehidupan mereka. Komuniti ini dengan orang Melayu sudah bercampur dan sukar untuk dikenal pasti. Tambahan pula, mereka tidak lagi menggelarkan diri mereka sebahagian daripada Jawi Peranakan. Walau bagaimanapun, masih terdapat sebahagian komuniti ini masih lagi menjaga komuniti mereka terutamanya yang tinggal di George Town dan yang masih mempunyai hubungan dengan pedagang India (Omar Yusoff & Noriah Mohamed, 2010).

Sebahagian daripada komuniti Jawi Peranakan masih lagi menggunakan nama keluarga mereka seperti Merican, Bee dan sebagainya. Mereka juga dikenali sebagai 'anak mami'. Komuniti Jawi Peranakan masih lagi menjalankan aktiviti perniagaan sebagai sumber pendapatan mereka di Pulau Pinang. Komuniti ini mewarisi bakat perniagaan melalui nenek moyang mereka. Terdapat sebuah hotel yang diberi nama Jawi Peranakan *Mansion* di Jalan Hutton dan kafe yang bernama *Jawi House Cafe Gallery* di Lebuhraya Armenian, George Town. Pengasas kafe ini ialah Karim yang mempunyai latar belakang kaum Jawi Peranakan. Antara

tokoh terkenal yang berketurunan Jawi Peranakan adalah Tun Dr Mahathir Mohd, Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Dato Profesor Tambi Kecik (Omar Yusoff & Jamaluddin Aziz, 2010).

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut Omar Yusoff (2010) budaya komuniti Jawi Peranakan telah dipengaruhi oleh budaya orang Melayu. Komuniti Jawi Peranakan memilih untuk mengamalkan budaya Melayu kerana budaya sebenar mereka dikatakan bertentangan dengan ajaran agama Islam pada hari ini. Mereka Gelaran 'Melayu Tanjung' yang diberikan kepada komuniti Jawi Peranakan seakan dilupakan selepas mengalami proses peralihan budaya. Hal ini telah memberi kesan kepada cara hidup mereka sehingga hari ini. Kehilangan komuniti Jawi Peranakan akan memberi kesan kepada negara pada masa akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana negara akan kehilangan komuniti yang telah banyak memberi sumbangan dalam pembangunan negara sejak zaman dahulu.

Seperti yang semua sedia maklum, negara kita mempunyai pelbagai kaum yang menjadikan ia unik dari negara lain (Hassnah Hussin, 2020). Antaranya ialah komuniti Jawi Peranakan. Percampuran budaya Melayu dan budaya India Muslim menjadikan budaya Jawi Peranakan unik dan berbeza dari komuniti peranakan yang lain. Oleh itu, budaya mereka harus dipelihara agar generasi akan datang dapat meneruskan budaya yang ditinggalkan kepada mereka. Selain itu, komuniti Jawi Peranakan itu sendiri harus melibatkan diri untuk memulihara, memelihara budaya dan mengekalkan identiti mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana jika mereka tidak melibatkan diri dalam mempertahankan budaya mereka, mereka akan kehilangan warisan budaya yang telah diturunkan kepada mereka.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan bagi kajian yang dijalankan ialah:

- i. Bagaimanakah pembentukan komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang?
- ii. Apakah faktor yang menyebabkan budaya perkahwinan Jawi Peranakan di George Town Pulau Pinang semakin berubah pada hari ini?
- iii. Sejauh manakah penglibatan komuniti Jawi Peranakan di George Town dalam memulihara budaya perkahwinan?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah:

- i. Meneroka sejarah kewujudan komuniti Jawi Peranakan di George Town, Pulau Pinang
- ii. Menghuraikan faktor yang menyebabkan budaya perkahwinan komuniti Jawi Peranakan di George Town, Pulau Pinang semakin berubah pada hari ini.
- iii. Menganalisis penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam pemuliharaan budaya perkahwinan.

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian adalah untuk menentukan had yang akan dikaji oleh seseorang pengkaji supaya kajian yang akan dilakukan lebih berfokus.

Kajian ini dijalankan ke atas komuniti Jawi Peranakan yang tinggal di Jalan Kapitan Keling, George Town, Pulau Pinang. Kajian ini akan dijalankan kepada komuniti Jawi Peranakan bermula dari umur 20 tahun sehingga 60 tahun

1.6 DEFINISI OPERASIONAL

Definisi operasional merupakan huraian makna kepada kata kunci tajuk kajian. Menurut Noroatmodjo (2012), definisi operasional adalah huraian kepada pemboleh ubah atau mempunyai kaitan dengan pemboleh ubah kajian. Beberapa perkataan dipilih oleh pengkaji untuk dihuraikan supaya pembaca memahami sesuatu kajian.

1.6.1 KOMUNITI

Menurut Mohd Syariefudin Abdullah et al. (2017) komuniti merupakan kelompok masyarakat yang kecil dan tinggal di kawasan tertentu. Perkataan komuniti berasal daripada bahasa perancis kuno iaitu *communitie*. *Communitie* dikatakan diambil dari bahasa Latin yang dikenali sebagai *communitas*. Konsep komuniti dikaitkan dengan sekumpulan manusia yang tinggal di sesuatu tempat dan mengamalkan cara hidup sendiri. Kumpulan manusia ini mempunyai sifat bersatu padu, semangat kekitaan dalam melakukan sesuatu aktiviti (Yahaya Ibrahim, 2007). Menurut Effat (2001) pula, komuniti merupakan sekumpulan manusia yang berkongsi sesuatu dari pelbagai aspek seperti corak kehidupan, pekerjaan, lokasi dan perumahan. Kumpulan komuniti ini berusaha untuk berkomunikasi dengan ahli yang lain. Keith Popple (1995) telah membahagikan komuniti kepada 3 bentuk utama iaitu:

- i. Komuniti yang berasaskan lokaliti
- ii. Komuniti yang berasaskan kepentingan (*Interest group*)
- iii. Komuniti yang berkongsi masalah atau situasi yang sama.

Komuniti yang berasaskan lokaliti merupakan komuniti yang tinggal di kawasan yang sama. Komuniti yang berasaskan kepentingan atau dikenali sebagai *interest group* merujuk kepada kelompok yang mempunyai keturunan darah yang sama seperti *Malay community*

dan sebagainya. Kelompok ketiga merujuk kepada komuniti yang menghadapi masalah yang sama. Pembahagian ini dilakukan kerana Keith Popple (1995) berpendapat bahawa komuniti bukan sahaja memberi pengaruh dalam aspek lokaliti yang melibatkan geografi dan material. Malah ia juga mempengaruhi pemikiran seseorang sehingga seseorang individu itu merasakan dirinya sebahagian dari sesuatu komuniti.

Menurut Robert Redfield (1967) komuniti terbahagi kepada 3 bentuk iaitu komuniti primitif, komuniti folk dan komuniti moden. Menurut Robert Redfield (1967) komuniti primitif adalah komuniti yang wujud semasa pembentukan masyarakat dan mempunyai ciri seperti berikut:

- i. Komuniti wujud dalam kuantiti yang kecil dan berasingan (*scattered*)
- ii. Pengetahuan wujud secara tidak bersistem dan golongan masyarakat tidak boleh membaca (*nonliterate*)
- iii. Mewakili budaya asal masyarakat
- iv. Aspek pengetahuan, sikap kelihatan sama dalam kalangan masyarakat
- v. Mereka hidup menyendiri kerana pergerakan mereka terhad.

Kelompok komuniti folk juga dikenali sebagai komuniti tradisi. Komuniti tradisi dikenal pasti melalui ciri-ciri seperti:

- i. Jumlah populasi yang kecil
- ii. Secara terpisah (*isolated*)
- iii. Tidak boleh membaca (*Nonliterature*)
- iv. Sama (*Homogeneous*)
- v. Tradisional

vi. Ikatan solidariti yang kuat

1.6.2 JAWI PERANAKAN

Menurut Brown (1977), Jawi Peranakan digelar sebagai Jawi Pekan, Jawi Pukan dan Jawi Bukan. Istilah ini digunakan untuk menggambarkan komuniti ini ‘Melayu bukan, Keling pun bukan’ (Keling merupakan kaum India yang berasal dari India Selatan). Istilah Jawi Peranakan mula digunakan di dalam Laporan Tahunan Banci Penduduk Negeri-Negeri Selat tahun 1871 yang merujuk kepada orang yang mempunyai darah campuran Arab, India Muslim, Benggali, Punjabi, Benggali dan Gujerat (Zaharah Mahmud, 1972). Manakala Omar Yusoff (2005) pula berpendapat bahawa Jawi Peranakan merupakan orang yang berketurunan India dan Melayu. Istilah Jawi Peranakan mempunyai unsur jawi yang berkaitan dengan agama Islam. Jawi dan peranakan telah digabungkan dan membawa maksud kepada orang asing yang mempunyai darah campuran Melayu yang beragama Islam (Noriah Mohamed & Omar Yusoff, 2010).

1.6.3 PEMULIHARAAN

Akta Warisan Kebangsaan (2005) mentafsirkan pemuliharaan sebagai kegiatan pemeliharaan, pembaikpuliha, pembinaan semula, pemulihan dan penyesuaian. Pemuliharaan bertujuan untuk memanjangkan tempoh jangka hayat sesuatu perkara. Bagi memastikan aktiviti pemuliharaan dijalankan mengikut proses yang baik, kaedah pemuliharaan harulah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan (Cheong, 2001). Konsep pemuliharaan lebih luas berbanding dengan pemeliharaan. Pemuliharaan bertujuan untuk memelihara sumber asli daripada rosak dan menggunakannya secara berhemah. Terdapat

perbezaan pemuliharaan daripada pendekatan namun tujuan utamanya tetap sama iaitu mencapai kesenangan dan kepentingan yang berterusa (Regoniel, 2013).

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Menurut Amir Hassan Dawi (2006) maksud kepentingan kajian adalah kajian yang dihasilkan memberi manfaat kepada pihak tertentu. Setiap kajian yang dihasilkan kebiasaanya akan mempunyai kepentingan kepada pihak yang terlibat.

1.7.1 MASYARAKAT DAN KOMUNITI JAWI PERANAKAN

Kajian ini pada akhirnya diharap dapat memberikan maklumat yang lebih terperinci kepada generasi muda tentang sejarah kewujudan komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang. Pengetahuan tentang komuniti Jawi Peranakan harus dititik beratkan terutamanya kepada generasi muda di Pulau Pinang. Hal ini dikatakan demikian kerana gelaran Jawi Peranakan terdengar asing bagi generasi muda terutamanya bagi pengkaji yang tinggal di Pulau Pinang. Tambahan pula, generasi sekarang beranggapan bahawa Jawi Peranakan dan Mamak berasal daripada golongan yang sama. Golongan mamak terhasil daripada perkawinan India Muslim manakala Jawi Peranakan adalah anak yang lahir hasil dari perkahwinan India Muslim dengan wanita Melayu tempatan.

1.7.2 NEGARA

Pendedahan tentang faktor yang menyebabkan budaya Jawi Peranakan semakin berubah perlu diketengahkan supaya ia dapat menyedarkan komuniti Jawi Peranakan tentang kepentingan pemuliharaan budaya Jawi Peranakan di Pulau Pinang. Selain itu, pengkaji juga berharap kajian ini dapat memberi kesedaran kepada kerajaan untuk memulihara budaya

perkahwinan komuniti ini. Hal ini dikatakan demikian kerana kewujudan komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang banyak memberi kesan yang positif kepada pembangunan negara. Pihak kerajaan dapat membantu komuniti ini untuk menggilap dan merakam kembali sejarah komuniti Jawi Peranakan

1.7.3 WARISAN BUDAYA

Kajian ini diharap dapat meningkatkan bilangan komuniti Jawi Peranakan untuk bersama-sama memulihara budaya perkahwinan mereka untuk generasi akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana kehilangan adat dan budaya mereka akan memberi kesan kepada warisan budaya Jawi Peranakan di Pulau Pinang. Budaya perkahwinan komuniti Jawi Peranakan mempunyai keunikan yang diturunkan daripada generasi terdahulu kepada generasi seterusnya. Pengkaji berharap, kajian yang dijalankan ini dapat membantu komuniti Jawi Peranakan untuk memulihara budaya perkahwinan mereka agar ia dapat diturunkan kepada generasi akan datang.

1.8 ORGANISASI PENULISAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mempunyai lima bab. Bab 1 ini membincangkan tentang Pengenalan, Permasalahan Kajian, Persoalan Kajian, Objektif Kajian, Skop Kajian, Definisi Operasional, Kepentingan Kajian dan Organisasi Penulisan. Pengenalan dalam kajian ini menjelaskan tentang sejarah dan budaya Jawi Peranakan di Pulau Pinang. Bahagian permasalahan menerangkan secara ringkas tentang isu yang berkaitan dengan tajuk yang ingin dikaji.

Bab 2 membincangkan tentang sorotan kajian lepas dan kerangka teori kajian ini. Sorotan kajian merupakan kajian-kajian lepas yang diambil untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan tajuk kajian ini. Kerangka teori pula menerangkan tentang hala tuju kajian berdasarkan teori yang bersesuaian dengan tajuk kajian.

Seterusnya, dalam Bab 3 ini membincangkan tentang metodologi kajian dan kaedah analisis data yang digunakan dalam kajian ini. Selain itu, bab ini menghuraikan kaedah analisis data bagi mendapatkan maklumat.

Bab 4 dalam kajian ini adalah menghuraikan tentang dapatan kajian. Maklumat-maklumat yang diperoleh akan dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif. Kaedah ini digunakan bagi mencapai objektif kajian.

Pada akhir bab ini iaitu bab 5 menjelaskan dan membincangkan tentang cadangan kajian. Bab ini merumuskan keseluruhan hasil kajian yang telah dijalankan.

BAB II

SOROTAN LITERATUR DAN TEORI

2.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan tiga isi utama iaitu tentang teori kajian, sorotan literatur dan kerangka teoritikal yang digunakan dalam kajian penyelidikan. Secara umumnya, teori merujuk kepada himpunan pernyataan yang mempunyai kaitan dengan kajian dan digunakan untuk menyusun serta menjelaskan tentang pemerhatian. Walau bagaimanapun, matlamat penghasilan teori bukan sahaja memberi penjelasan, malah ia melibatkan batasan dalam sesuatu kajian. Teori berfungsi pada tahap yang berlainan dan digunakan untuk tujuan yang berbeza (Lefrancois, 1986). Menurut Garrison (2000) teori penting untuk memahami dan menghuraikan tujuan dan kaedah dalam sesuatu kajian yang dijalankan. Teori juga menjelaskan bagaimana konsep-konsep kajian berkait antara satu sama lain.

Bahagian sorotan kajian akan menghuraikan tentang objektif kajian, kaedah kajian, hasil kajian dan teori yang digunakan dalam kajian-kajian lepas. Kajian-kajian lepas ini bertujuan untuk menyokong kajian yang akan dijalankan. Sorotan kajian merupakan satu pernyataan untuk menyokong objektif sesuatu kajian. Ia juga membuktikan teori yang digunakan adalah benar dan bukan rekaan. Menurut Rosmawati (2014) sorotan kajian melibatkan proses membaca kajian lepas yang berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan. Seterusnya, sorotan literatur merupakan panduan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian yang ingin dikaji. Dengan meneliti kajian lepas, pengkaji akan lebih memahami dan dapat melihat kekosongan maklumat pada kajian lepas.

2.2 MODEL LADDER OF CITIZEN OF CITIZEN (ARNSTEIN, 1969)

Kajian ini menggunakan model *Ladder of Citizen Participant* (Arnstein, 1969) bagi menganalisis dapatan kajian berkaitan dengan penglibatan komuniti. Model Arnstein (1969) bersesuaian dengan kajian bagi asas kepada perkembangan penglibatan komuniti dalam pemuliharaan budaya komuniti Jawi Peranakan. Model penglibatan komuniti ini dihasilkan oleh Arnstein pada tahun 1969 (Karsten, 2012). Menurut Connor (1988) teori ini dikatakan amat berpengaruh selepas pertama kali diterbitkan dalam majalah *American Planning Association*. Berdasarkan analisis model *Ladder of Citizen Participant*, Arnstein (1969) percaya bahawa penglibatan komuniti dapat menyumbang dalam ekonomi dan seterusnya memberi impak kepada kehidupan komuniti.

Penglibatan komuniti didefinisikan sebagai seorang individu yang sukarela untuk mengambil peluang dan memikul tanggungjawab dalam aktiviti kemasyarakatan (Tosun, 2000). Penglibatan komuniti memerlukan kekuatan fizikal dan sokongan moral untuk menjayakan aktiviti yang dijalankan. Menurut Hungtingtong dan Nelson (1997) Penglibatan bermaksud interaksi sosial, di mana pihak tertentu melibatkan diri dalam mencipta, merancang dan menjalankan aktiviti. Penglibatan terbahagi beberapa bentuk dua iaitu berbentuk kolektif, individu, paksaan, sukarela sementara. Penglibatan secara kolektif, sukarela akan bertahan dalam jangka masa yang panjang berbanding dengan penglibatan secara paksaan, individu dan spontan. Penglibatan boleh terjadi dalam pelbagai aspek kehidupan seperti kebudayaan, keagamaan dan sebagainya. Komuniti juga mempunyai kaitan dengan budaya dalam sistem aktiviti. Setiap komuniti mempunyai tahap pemikiran, pengetahuan dan peraturan tertentu yang perlu disepakati bersama agar dapat menjadi panduan dalam segala tindakan yang akan dilakukan (Kamarudin Ismail, et.al. 2019)

Penglibatan komuniti dapat dijadikan sebagai alat untuk memelihara keunikan yang ada dalam sesuatu komuniti. Setiap komuniti mempunyai warisan budaya yang diturunkan kepada mereka daripada generasi terdahulu. Mereka kaya dengan pelbagai adat dan budaya sejak hari kelahiran sehingga saat kematian. Sesuatu komuniti itu harus diberi peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti pemuliharaan warisan budaya mereka kerana mereka mampu menjayakan program pemuliharaan dan pembanggunan yang akan dijalankan. hal ini dikatakan demikian kerana komuniti lebih mengetahui tentang budaya mereka terutama komuniti peranakan di Malaysia. konsep penglibatan komuniti merupakan pendekatan yang dapat digunakan dalam aktiviti pemuliharaan budaya sesuatu komuniti (Azhar Abdul Gani, Kalsom Kayat dan Siti Aznon Ahmad, 2013).

Oleh itu, Model *Ladder of Citizen Participant* (Arnstein, 1969) dipilih supaya pengkaji dapat melihat tahap penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam proses membuat keputusan untuk pemuliharaan budaya Jawi Peranakan. Model ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu *citizen control*, *tokenism* dan *non participant*. Ketiga kategori ini dibahagikan kepada lapan peringkat iaitu *manipulation*, *therapy*, *informing*, *consultation*, *placation*, *partnership*, *delegation power* dan *citizen control*. Peringkat paling rendah adalah *non participant* yang merangkumi *manipulation* dan *therapy*. Manakala peringkat pertengahan adalah *tokenism* yang meliputi *informing*, *consultation* dan *placation*. Peringkat paling tinggi merupakan *citizen control* yang terdiri daripada *partnership*, *delegation power* dan *citizen control*. Untuk memenuhi kesemua peringkat ini memerlukan proses komunikasi dua hala terutamanya dalam menjayakan aktiviti pemuliharaan budaya Jawi Peranakan. Komunikasi dapat membantu komuniti untuk memperoleh maklumat dengan jelas dan seterusnya menyokong aktiviti kemudian membuat keputusan dalam memulihara budaya mereka.

2.3 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Sorotan kajian lepas adalah satu penyelidikan yang jelas untuk mengetahui, menilai dan mentafsir penulisan penyelidik kajian lepas dalam bidang yang dikaji (Fink, 1998). Menurut Berg (1998) pula, sorotan kajian lepas merupakan penilaian bahan penulisan yang dibuat secara terperinci berkaitan dengan masalah yang dikaji. Manakala Blaxter, Hughes dan Tight (2002) menjelaskan bahawa sorotan kajian adalah satu ringkasan daripada bahan penulisan sesuatu bidang. Berdasarkan penjelasan daripada berbeza tokoh, hal ini dapat disimpulkan bahawa sorotan kajian lepas adalah proses meneliti, menilai dan memahami secara mendalam tentang hasil kajian dan penulisan pengkaji lepas yang mempunyai kaitan dengan tajuk yang dikaji.

2.3.1 KOMUNITI

Komuniti daripada perspektif sosiologi adalah satu konsep utama dalam kajian masyarakat yang melibatkan tiga faktor. Faktor pertama ialah menjadi sistem penerangan tentang keadaan sosial makro pada tahap mikro. Yang kedua adalah data analisis untuk pengkaji memahami masyarakat secara menyeluruh. Satu lagi faktor adalah memudahkan pengkaji membuat perbandingan dari pelbagai aspek dalam kalangan komuniti lain. Terdapat dua jenis komuniti iaitu komuniti *generic* dan komuniti khusus (Gusni Saat, 2019). Komuniti *generic* merupakan perkataan komuniti yang diistilahkan sebagai konseptual (George 1955). Komuniti khusus pula merujuk kepada golongan manusia yang mempunyai ikatan kekeluargaan, etnik dan hidup secara kolektif di sesuatu tempat (George 1955).

Aisah Hossin, et al. (2012) kajian yang bertajuk Komuniti Jawa Pengekalan Adat Kelahiran Jawa: Tinjauan di Kampung Jawa Dua, Sandakan Sabah. Kajian ini dijalankan

untuk mengetahui tentang adat kelahiran komuniti Jawa dan mengenalpasti perubahan yang berlaku dalam amalan adat kelahiran komuniti ini. Kajian ini bersifat kualitatif kerana menggunakan kaedah pemerhatian dan dokumentasi untuk mendapatkan data. Kajian ini dijalankan untuk menambahkan pengetahuan kepada komuniti Jawa dan komuniti lain dalam aspek adat kelahiran. Hasil kajian ini mendapati bahawa perkahwinan campur dan migrasi telah menyebabkan adaptasi budaya berlaku dan mempengaruhi budaya adat kelahiran dalam kalangan komuniti Jawa tersebut. Hal ini dibuktikan dengan 30% daripada etnik Melayu, Bugis dan Tidung menetap di kampung Jawa Dua. Walau bagaimanapun terdapat juga komuniti Jawa yang berasal dari kampung ini menetap dan berkahwin dengan orang luar.

Budaya Pemakanan Masyarakat Malaysia dari Perspektif Agama, Polisi, Sains dan Teknologi dengan Rujukan Khusus kepada Pengaruh Islam dalam Penghasilan Makanan merupakan kajian yang dijalankan oleh Che Wan Jasimah (2009). Kajian ini dijalankan untuk budaya dan pengaruh agama dalam pemakanan kaum Melayu, Cina serta India. Selain itu, kajian ini juga mengkaji pengaruh British dalam penghasilan makanan selepas kemerdekaan. Isu-isu penghasilan makanan halal dan perbandingan di antara corak amalan pemakanan tradisional serta pemakanan moden merupakan objektif kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik, temu bual dan temu ramah. Umur responden yang dipilih adalah bawah 30 tahun kerana mereka terdedah dengan makanan tradisional dan moden. Hasil daripada kajian menunjukkan berlaku perubahan corak pemakanan pelbagai kaum selepas kemasukan makanan moden iaitu makanan segera. Walau bagaimanapun, hasil perbandingan corak amalan pemakanan menunjukkan masih menjaga makanan tradisi mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan budaya.

Kajian lain yang bertajuk perkaitan Akulturasi Budaya dan Hubungan antara Agama: Kajian terhadap Komuniti Cina Pra Konversi di Negeri Terengganu yang dihasilkan oleh Azarudin Awang & Khadijah Mohd Khambali (2016) berkaitan dengan kajian deskriptif yang bertujuan untuk melihat penerimaan komuniti Cina dalam penglibatan ahli keluarga pra konversi terhadap budaya Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif temubual. Responden yang dipilih adalah komuniti Cina, Terengganu yang memeluk Islam dan empat orang pemimpin agama serta pengerusi NGO saudara baru. Hasil daripada kajian ini menunjukkan wujud tiga gaya kaitan antara agama iaitu menjauhi aktiviti keagamaan komuniti lain, mengenal agama secara sembunyi atau hati-hati dan tidak ambil peduli. Wujud kelompok Cina yang menjauhi diri daripada melibatkan diri dalam aktiviti agama kerana ingin mengelakkan salah faham dalam kalangan keluarga. Terdapat juga golongan yang memahami tentang agama Islam namun dilakukan secara sembunyi agar tidak diketahui oleh ahli keluarga. Kelompok tidak ambil peduli kurang dalam data soal selidik.

Ramlah Daud (2010) dalam kajiannya Budaya dan Persoalan Identiti dalam Kalangan Komuniti Bugis di Persempanan Pulau Sebatik, Sabah berkaitan dengan komuniti etnik bugis yang berada di Malaysia dan Indonesia mewujudkan identiti etnik dan nasional di persempadanan negara. Kajian lapangan dijalankan pada bulan oktober 2007 sehingga September 2008. Hasil daripada kajian lapangan tersebut mendapat komuniti Bugis ini mampu mengambil peluang untuk menghidupkan kawasan sempadan mereka. Hasil dapatan etnografi pula menunjukkan hubungan komuniti etnik penting dalam strategi menghidupkan sempadan berbanding dengan identiti nasional.

Kajian seterusnya bertajuk Aplikasi Peranti Analitikal '*Cultural Diamond*' Dalam Analisis Pembentukan Komuniti Sub-Budaya Jepun di Malaysia yang dihasilkan oleh

Rohayati Paidi, Md Nasrudin Md Akhir & Asmadi Hassan (2018) membincangkan tentang kewujudan komuniti sub-budaya cosplay Jepun di Malaysia. Objektif kajian ini terdiri daripada menyenaraikan elemen dalam pembentukan sub-budaya dan menganalisis kaitan antara elemen dan sifat yang membawa kepada pembentukan komuniti tersebut. Hasil kajian ini menunjukkan kewujudan tiga bentuk elemen yang terlibat dalam pembentukan sub budaya ini. Antaranya adalah dunia sosial meningkatkan objek budaya, pencipta dan penerima mengakses objek budaya serta dunia sosial menyokong pencipta dan penerima. Hal ini bermaksud komuniti itu sendiri yang menerimanya sebagai sub-budaya di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan induktif untuk merangka maklumat kemudian menggunakan analitikal '*culture diamond*' Grisswold (1994) sebagai panduan untuk menyusun penilaian data.

Kajian lain yang bertajuk Pola Perubahan Sosiobudaya Dan Mobiliti Sosial Dalam Kalangan Komuniti Muara di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dihasilkan oleh Nor Hayati Sa'at, Ibrahim Mamat & Wan Mohd Zaifurin (2017) membincangkan tentang perubahan sosiobudaya dan mobiliti sosial komuniti Muara. Sebanyak 596 responden dipilih dalam kaedah tinjauan, soal selidik, pemerhatian di 6 perkampungan nelayan di muara sungai Pantai Timur. Kajian ini juga menggunakan kaedah pensampelan secara rawak dan *snow ball*. Hasil kajian ini menunjukkan dalam aktiviti kemasyarakatan dan amalan tradisi masih kuat dalam aspek sosiobudaya namun dalam aspek mobiliti sosial dari segi pekerjaan telah berubah. Hal ini dikatakan demikian kerana generasi mudaa lebih tertarik untuk bekerja di darat berbanding menjadi nelayan yang bekerja di lautan. Corak kehidupan komuniti ini masih berada di takuk yang lama. Hal ini kerana mereka kekurangan sumbangan dari segi ekonomi. Kajian ini menggabungkan beberapa pendekatan dan kaedah sosiologi.

Satu lagi kajian yang dihasilkan oleh Siti Aminah Mohd Sam & Seow Ta Wee (2013) yang bertajuk Kelestarian Pembangunan Sosiobudaya Komuniti Orang Asli menerangkan tentang kerangka teori untuk mencapai kelestarian komuniti serta mengenalpasti mekanisme untuk usaha pengekalan dan pemuliharaan kehidupan komuniti ini. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk memberi kesedaran kepada umum tentang keunikan amalan tradisi komuniti ini. Kerangka kajian teori difusi (Tylor, 1871) digunakan bagi membincangkan tentang isu dan masalah perubahan sosiobudaya dari segi adat, pantang larang, perubatan dan sebagainya. Kajian ini menggariskan fungsi difusi sebagai proses dalam penghasilan kajian ini.

Siti Fairuz Mohd Yusof & Nor Hayati Sa'at (2019) dalam kajian yang bertajuk Antara Tradisi Dan Pembangunan Dalam Konteks Perubahan Sosiobudaya Komuniti Muara membincangkan tentang perubahan sosiobudaya komuniti muara dalam aspek pendidikan, agama, amalan dan adat budaya komuniti muara Kampung Pulau Sekati. Kajian yang dihasilkan ini adalah berbentuk kualitatif. Seramai 25 orang responden yang terdiri daripada 22 orang ketua rumah generasi pertama dan 3 orang isi rumah. Temu bual dijalankan selama 4 sehingga 5 hari seminggu bersama responden dan komuniti muara. Maklumat dan data yang diperoleh akan dijadikan transkrip dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Nvivo10*. Secara keseluruhannya, terdapat satu perubahan yang berlaku dalam generasi hari ini daripada aspek pendidikan. Pendidikan generasi muda bertambah baik berbanding dengan generasi lampau. Pendidikan penting dalam kehidupan seseorang kerana ia mampu memajukan diri mereka. Selain itu, adat-adat dan budaya juga mengalami perubahan dalam kalangan komuniti muara namun ikatan kekeluargaan, keagamaan serta kejiranan masih utuh.

Kajian yang bertajuk Analisis Jenis Bahasa Masyarakat India Muslim di Malaysia dihasilkan oleh Mohd Irman Mohd Abd Nasir & Abdul Qayuum Abdul Razak (2016) membincangkan tentang jenis-jenis bahasa India Muslim di India dan Malaysia. Seterusnya, mengaitkan jenis bahasa dengan sejarah kedatangan mereka. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif seperti pemerhatian, soal selidik, temu bual dan analisis data. Hasil daripada kajian ini menunjukkan terdapat dua bahasa India Muslim iaitu bahasa Tamil dan bahasa Malayalam. Golongan yang menggunakan bahasa Tamil berasal daripada kawasan Tamil Nadu manakala golongan yang berbahasa Malayalam berasal daripada Kerala. Kawasan penempatan mereka di Malaysia terletak di Kuala Lumpur bagi komuniti Tamil Muslim dan komuniti Malayali atau Malabari Muslim di Johor. Maklumat responden yang diperoleh semasa kajian lapangan dilakukan menunjukkan terdapat golongan muda yang berkemahiran bertutur dalam bahasa Tamil namun tidak boleh menulis dan membaca bahasa tersebut.

Berdasarkan kajian lepas yang diperoleh tentang komuniti, dapat dilihat bahawa komuniti memainkan peranan yang penting dalam menjaga budaya, adat dan amalan kaum mereka. Walau bagaimanapun masih terdapat kelompangan dalam kajian lepas dari segi faktor berlakunya perubahan budaya sesuatu kaum. Kajian-kajian lepas berkaitan dengan penglibatan komuniti dalam sesuatu aktiviti dapat menghidupkan semula budaya dan menjadi penggerak kepada sesuatu kaum.

2.3.2 JAWI PERANAKAN

Kajian yang dihasilkan oleh Abdul Munir Ismail & Mohd Noor Bin Daud (2013) yang bertajuk Adat Perkahwinan Masyarakat Jawi Peranakan India Islam di Pulau Pinang, Malaysia: Dari Perspektif Islam menjelaskan tentang komuniti amalan perkahwinan Jawi

Peranakan India Muslim. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan, kajian lapangan di sekitar George Town dan temu bual. Bilangan responden adalah seramai 20 orang lelaki dan perempuan. Hasil daripada kajian ini, komuniti Jawi Peranakan masih lagi mengamalkan adat istiadat perkahwinan mereka, namun telah dicampurkan dengan adat Melayu. Kepercayaan masyarakat Jawi Peranakan terhadap pantang larang upacara perkahwinan masih lagi dipengaruhi agama Hindu yang bertentangan dengan ajaran Islam. Kajian ini menjelaskan bahawa pernikahan dan perkahwinan dituntut dalam agama Islam. Adat perkahwinan komuniti Jawi Peranakan mempunyai keunikkan dan berbeza dengan masyarakat lain. Kajian yang dijalankan oleh Abdul Munir Ismail dan Mohd Noor Bin Daud merangkumi adat merisik, adat meminang, adat berinai, Majlis akad nikah, Majlis persandingan, Masjis kenduri dan memohon restu nenek moyang. Selepas selesai majlis perkahwinan, pengantin perlu bernazar di perkuburan nenek moyang untuk memohon restu. Amalan ini menunjukkan ciri pengaruh agama lain.

Kajian lain adalah bertajuk Kaum Jawi Peranakan Di Pulau Pinang: Isu-Isu Budaya Dalam Konteks Pembentukan Masyarakat Majmuk Di Malaysia yang dihasilkan oleh Omar Bin Yusof (2005). Kajian ini menerangkan tentang proses etnogenesis yang berlaku pada generasi ketiga dan keatas komuniti Jawi Peranakan telah membawa kepada perubahan budaya mereka. Melalui proses ini, budaya komuniti ini dikatakan telah mengadaptasi budaya Melayu secara perlahan. Kajian ini mempunyai 4 objektif kajian iaitu mengenalpasti asal usul pembentukan kaum Jawi Peranakan, meninjau riwayat hidup Kapitan Keling yang mengasaskan pembentukan Jawi Peranakan, mengenalpasti budaya sebenar Jawi Peranakan dan mengenalpasti identiti sebenar Jawi Peranakan di Pulau Pinang pada masa kini. Kajian ini menggunakan kerangka teori asimilasi, amalgamasi, *situational* dan pilihan rasional.

Selain itu, kajian yang bertajuk Pemikiran dan Falsafah Adat Resam Perkahwinan Jawi Peranakan Pulau Pinang dihasilkan oleh Omar Yusoff, et.al (2013) menjelaskan tentang pantang larang serta adat resam perkahwinan komuniti Jawi Peranakan dan meninjau pemikiran dan falsafah mereka. Kajian ini berbentuk kualitatif dan tinjauan pustaka serta temu bual. Kaedah temu bual adalah tidak berstruktur. Hasil daripada kajian yang dijalankan ini mendapati bahawa golongan Jawi Peranakan mudah untuk menjadi orang Melayu kerana masyarakat Melayu tempatan menerima Jawi Peranakan mengidentifikasikan diri mereka sebahagian daripada orang Melayu. Walaupun kebanyakan komuniti Jawi Peranakan telah sepenuhnya mengamalkan budaya orang Melayu, masih terdapat sebahagian daripada mereka yang mengekalkan budaya mereka. Terutamanya golongan Jawi Peranakan yang tinggal di George Town dan berdagang dengan pedagang India. Mereka masih lagi mengamalkan adat resam yang diturunkan kepada mereka walaupun ia tidak sesuai pada zaman moden ini.

Omar Yusoff & Noriah Mohamed (2010) dalam kajian yang bertajuk Daripada Jawi Peranakan kepada Melayu: Tinjauan terhadap Komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang pada abad ke-21 berkaitan dengan kedatangan awal komuniti Jawi peranakan dan perubahan budaya Jawi Peranakan serta penggunaan bahasa pertuturan Jawi Peranakan. Kajian ini juga menjelaskan tentang budaya Jawi Peranakan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam juga menjadi punca sebahagian daripada golongan Jawi Peranakan tidak lagi menjaga budaya mereka. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk tinjauan pustaka dan temu bual tidak berstruktur. Hasil kajian ini mendapati bahawa kewujudan komuniti Jawi Peranakan berlaku disebabkan perkahwinan campur golongan pendatang dan golongan Arab serta India dengan wanita tempatan di Pulau Pinang. Namun, komuniti ini lebih memillih untuk mengamalkan budaya Melayu.

Akhir sekali, hasil tinjauan kajian lepas tentang penglibatan komuniti dalam pemuliharaan budaya Jawi Peranakan masih kurang. Kajian-kajian lepas kebanyakannya menceritakan tentang adat, budaya, sejarah Jawi Peranakan di Pulau Pinang. Kajian yang telah dihasilkan mempunyai persamaan daripada makna dan sejarah awal Jawi Peranakan ke Pulau Pinang. Walau bagaimanapun masih tiada kajian yang jelas tentang faktor budaya Jawi Peranakan semakin ditinggalkan. Budaya dan adat Jawi Peranakan dilihat masih lagi mengekalkan unsur pengaruh agama lain yang bertentangan dengan ajaran Islam. Pengkaji menemukan empat kajian yang berkaitan budaya dan adat Jawi Peranakan namun masih terdapat kekurangan pada sesetengah bahagian.

2.3.3 PEMULIHARAAN

Pemuliharaan bermaksud sesuatu yang digunakan secara berhati-hati agar tidak mendatangkan kerugian dan pembaziran. Pemuliharaan bukan sahaja berfungsi untuk memelihara sumber asli daripada rosak malah ia juga digunakan secara kondusif. Pemuliharaan juga boleh ditakrifkan sebagai kaedah pengurusan sumber semulajadi untuk mengekalkannya dalam jangka masa yang panjang. (Regoniel, 2013). Pemuliharaan budaya merupakan pemeliharaan daya hidup dan keaslian kehidupan harian serta warisan budaya masyarakat tempatan. Hal ini termasuk dengan cara hidup, pakaian, dan sebagainya. Budaya melambangkan identiti dalam sesebuah negara (Sedyawati, E, 1997).

Rohayu Roddin, et al (2019) membahaskan tentang pemuliharaan budaya komuniti Orang Asli dalam kajian mereka yang bertajuk Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Budaya Komuniti Orang Asli Melalui Pelancongan Lestari. Kajian ini merupakan kajian kes yang dijalankan dalam suku kaum Jahai. Kajian ini membincangkan tentang pelancongan memberi

impak yang positif dalam peningkatan sosioekonomi dan kelangsungan budaya komuniti Orang Asli untuk generasi akan datang. Aktiviti pelancongan yang dijalankan merupakan satu pendekatan dalam usaha mereka untuk memelihara dan memulihara budaya komuniti Orang Asli. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini untuk memperoleh maklumat adalah melalui temu bual dan pemerhatian. Hasil kajian yang diperolehi adalah melalui pelancongan, suku kaum Orang Asli Jahai mampu meneruskan budaya mereka dari segi tarian, cara hidup, kraf tangan di samping menjana pendapatan.

Manakala, kajian yang bertajuk *Komodifikasi Budaya Orang Asli Dalam Pelancongan: Kelestarian Identiti Budaya Komuniti Orang Asli Di Rancangan Pengumpulan Semula Air Banun, Gerik, Perak* yang dihasilkan oleh Qayherah Ahmad Zam Zam (2015) pula membincangkan tentang komuniti orang asli yang terlibat dalam industri pelancongan untuk memelihara identiti budaya mereka. Fokus utama kajian ini adalah mengkaji bagaimana komuniti Orang Asli terlibat dalam pelancongan yang membawa produk budaya mereka yang telah melalui proses komodifikasi. Kemudian, kajian ini mengenal pasti bentuk penglibatan Orang Asli dalam aktiviti pelancongan. Kajian ini juga untuk mengenal pasti bentuk mekanisme yang dibina oleh komuniti Orang Asli dalam mengekalkan budaya mereka. Kaedah temubual digunakan dalam kajian ini. 12 orang informan dipilih dalam kalangan Orang Asli. Selain itu, kaedah pemerhatian juga digunakan untuk mengkategorikan produk budaya, bentuk dan faktor penglibatan komuniti dalam mempertahankan budaya mereka. teori yang digunakan dalam kajian ini adalah model pembangunan pelancongan yang diasaskan oleh Doxey (1975) dan Dogan (1989). Kedua-dua kajian ini melibatkan penglibatan Orang Asli dalam memulihara budaya dengan menggunakan pendekatan

pelancongan. Namun, kajian yang dihasilkan ini mempunyai perbezaan dalam pelbagai aspek.

Satu lagi kajian membincangkan tentang pemuliharaan instrumen beduk dalam budaya masyarakat Melayu. Kajian ini bertajuk Pengurusan Pemuliharaan Instrumen Beduk Dalam Budaya Masyarakat Melayu di Sungai Besar, Selangor yang ditulis oleh Syahmi Dorahman (2018). Kajian ini mengkaji faktor utama instrument beduk kurang digunakan di masjid dan surau pada zaman sekarang. Kemudian, kajian ini bertujuan untuk meneliti langkah yang boleh diambil dalam memartabatkan instrumen beduk. Objektif yang terakhir adalah mengupas ancaman teknologi dalam proses perubahan penggunaan beduk kepada pembesar suara. Kaedah kajian yang digunakan adalah temu bual seramai 8 orang. Informan dalam kajian ini melibatkan Pegawai JKKN Selangor, Imam Masjid, Siak Masjid, dua orang awam serta tiga tukang beduk. Kajian ini menggunakan kerangka teoritikal kepimpinan. Hasil kajian ini adalah, penggunaan beduk hanya digunakan oleh penduduk kampung untuk memanggil masyarakat untuk solat secara berjemaah.

Kajian yang ditulis oleh Mohd Yuszaidy (2018) yang bertajuk Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan Dan Agensi Pelaksana Di Malaysia membincangkan tentang aspek pemuliharaan warisan budaya di Malaysia. Setiap kaum dan etnik mempunyai warisan budaya yang tersendiri dan pelbagai. Objektif kajian yang dihasilkan adalah mengenal pasti perundangan dan agensi pelaksanaan warisan dapat memberi perlindungan kepada warisan budaya. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual untuk mendapatkan data. Kaedah temu bual melibatkan individu yang terlibat dalam aktiviti penguatkuasaan undang-undang. Data yang diperolehi akan dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Tempoh masa yang diambil untuk mengutip data

adalah selama empat minggu. Hasil daripada kajian ini, melalui perundangan yang tegas mampu melindungi warisan budaya di Malaysia.

Seterusnya, kajian Pemuliharaan Warisan Kebudayaan Melalui Sistem Tagal Sungai Di Sabah yang dihasilkan oleh Jurry Foo (2019) membuktikan bahawa sistem tagal mampu menjadi pendekatan yang terbaik untuk memulihara warisan budaya terutamanya kepada masyarakat yang tinggal di negeri Sabah. Objektif kajian ini menggariskan pelaksanaan sistem tagal bukan sahaja memberi manfaat kepada persekitaran malah ia juga dapat memulihara warisan budaya. sistem tagal sungai di sabah dipantau dan dibimbing oleh Jabatan Perikanan Negeri Sabah (DOF). Kaedah pengurusan sistem tagal bergantung kepada cara komuniti setempat. Setiap komuniti mempunyai cara dan keunikan mengikut budaya dan adat mereka. Kaedah pelaksanaan sistem tagal dipengaruhi oleh adat resam dalam komuniti tagal.


Mohd Fadzil Razali, Badrul Redzuan Abu Hassan dan Roslina Abdul Latif (2014) dalam kajian mereka, Pemuliharaan Warisan Terpinggir: Menangkap Peranan Medium Sinema menunjukkan tahap keberkesanan medium sinema membentuk pemikiran masyarakat untuk mengingati budaya mereka. Kajian ini juga membincangkan tentang keterpinggiran warisan melalui strategi *vogaye-in* dalam filem *Zaleha Ayam Patah dan Wayang* (2007). Kajian ini menjelaskan hubungan di antara teori dan wacana melalui analisis wacana kritikal (Ruth Wodak & Michael Meyer, 2009). Kajian emperikal digunakan bagi mengabungkan kaedah soal selidik dan temu ramah. Hasil dapatan yang diperoleh daripada pemerhatian menunjukkan melalui filem yang berunsurkan warisan budaya mampu diteruskan melalui pendidikan formal dan tidak formal walaupun diancam arus permodenan.

Faridatul Akma Abdul Latif (2004) kajiannya bertajuk Pengekalan Dan Pemuliharaan Landskap Budaya: Identiti Kampung Pulau Duyong, Kuala Terengganu dihasilkan untuk mencari pendekatan yang sesuai dan berkesan untuk pemeliharaan identiti penduduk luar Bandar. Kaedah kajian yang digunakan adalah melalui instrumen soal selidik dan instrumen temu bual. Penganalisan sikap dan persepsi komuniti terhadap persekitaran juga turut dijalankan dalam kajian penyelidikan ini. Kajian instrumen soal selidik melibatkan demografi responden dan cadangan komuniti. Pendekatan strategi pengekalan dan pemuliharaan identiti luar budaya digunakan sebagai kajian teoritikal dalam kajian ini. Hasil kajian ini membincangkan tentang karator landskap budaya telah mempengaruhi pembentukan identiti komuniti luar Bandar. Seterusnya, kajian ini melibatkan warisan tradisi serta pembangunan moden dalam mengekalkan dan memulihara landskap budaya dalam aspek sosio budaya dan juga ekonomi.

Akhir sekali, kajian lepas berkaitan pemuliharaan budaya telah banyak dijalankan namun tentang budaya sesebuah kaum itu masih kurang. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian lepas yang diperoleh banyak berkaitan dengan komuniti yang sama dan tidak meluas. Malaysia mempunyai pelbagai etnik dan peranakan. Setiap etnik dan peranakan mempunyai budaya mereka tersendiri. Golongan peranakan semakin kehilangan budaya mereka akibat peredaran zaman terutamanya golongan Jawi Peranakan. Namun, kajian tentang pemuliharaan budaya perkahwinan yang sedang berubah ini kurang dan sukar untuk diperoleh terutamanya dalam aspek budaya kaum peranakan.

2.4 KERANGKA KONSEP

Kerangka konsep ini menggunakan model Arnstein (1969) sebagai panduan untuk menerangkan tentang tahap, jenis dan ciri penglibatan penduduk dalam pemuliharaan budaya komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang, seperti rajah berikut:



Rajah 2.1: Model Ladder of Citizen Participant (Arnstein, 1969)

Pada peringkat *manipulation*, masyarakat hanya mengikut pandangan yang diberikan oleh pemegang kuasa. Ianya dikategorikan sebagai *non participant* kerana tiada pihak berkuasa yang melibatkan diri dalam aktiviti pemuliharaan yang dijalankan oleh komuniti. Pihak berkuasa hanya memberi maklumat tentang perbincangan kepada wakil komuniti dan tidak akan menerima maklum balas secara langsung dari rakyat. Pada peringkat

ini, komuniti tidak mempunyai peluang untuk menyuarakan pendapat dan perlu menerima sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa tanpa bantahan.

Manakala, pada peringkat *therapy* komuniti perlu menyesuaikan diri dengan kehendak pihak berkuasa. Ianya masih berada di bawah kategori *non participant* dan penglibatan komuniti tidak dianggap sebagai penglibatan sebenar kerana mereka mengikuti aktiviti pembangunan yang dijalankan bukan secara sukarela. Maklumat disampaikan melalui wakil yang telah dilantik oleh pihak berkuasa. Komuniti hanya mendengar tanpa melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan.

Pada peringkat *informing*, pihak berkuasa memaklumkan kepada komuniti tentang hak dan tanggungjawab mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti pemuliharaan yang akan dijalankan. Walau bagaimanapun, komuniti masih tidak diberi peluang untuk berkomunikasi secara langsung dengan pihak berkuasa. Tiada rundingan yang dibuat antara pihak berkuasa dengan komuniti kerana maklumat disampaikan melalui media berita, risalah dan sebagainya. Hal ini menyebabkan manfaat yang diperoleh oleh komuniti yang melibatkan diri dalam aktiviti pemuliharaan budaya tidak adil.

Pada peringkat *consultation*, pendapat dan idea komuniti mulai didengari oleh pihak berkuasa. Komuniti berpeluang untuk berunding dan berbincang dengan pihak berkuasa secara langsung. Namun, terdapat tiga kaedah yang digunakan untuk berunding. Antaranya adalah

- i. Kajian awal tentang sikap masyarakat
- ii. Perjumpaan dengan orang awam
- iii. Mendengar suara komuniti

Hasil daripada rundingan yang dilakukan, mungkin terdapat banyak isu dan keputusan yang diselesaikan walaupun mengalami kesukaran untuk menarik komuniti melibatkan diri dalam rancangan pemuliharaan yang akan dijalankan.

Seterusnya, pada peringkat *placation* komuniti diberi peluang untuk memberi pandangan tentang pemuliharaan budaya perkahwinan mereka namun ia memerlukan persetujuan daripada pihak berkuasa. Selain itu, peringkat ini bertujuan menambahkan idea dan pandangan daripada pihak komuniti serta menghilangkan keresahan hati komuniti setempat. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa tidak akan melakukan seperti apa yang dijanjikan. Mereka akan tetap menjalankan aktiviti awal yang telah dibincangkan dalam kalangan pihak berkuasa. Suara komuniti tidak dihiraukan oleh pihak mereka.


Peringkat *partnership* pula, komuniti akan bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk merealisasikan aktiviti pemuliharaan budaya Jawi Peranakan. Pihak komuniti dan pihak berkuasa membuat perancangan bersama untuk kepentingan dan manfaat yang diperoleh bersama. Terdapat beberapa kuasa yang dapat mempengaruhi komuniti dalam proses pemuliharaan budaya perkahwinan Jawi Peranakan. JKKN boleh melibatkan diri bersama-sama dengan komuniti Jawi Peranakan dalam usaha memulihara budaya perkahwinan Jawi Peranakan agar dapat tidak dilupakan oleh generasi akan datang. Perancang yang sistematik harus dilakukan oleh kedua-dua pihak supaya perancangan untuk memulihara budaya komuniti ini berjalan dengan lancar.

Satu lagi peringkat ialah *delegated power* dimana komuniti dapat bertolak ansur dengan pihak berkuasa dan keputusan berada pada tangan komuniti itu sendiri. Komuniti Jawi Peranakan mempunyai pilihan untuk menentukan tahap penglibatan mereka dalam

merancang dan membuat keputusan. Namun komuniti memerlukan bantuan sampingan daripada pihak lain untuk memulihara budaya perkahwinan Jawi Peranakan ini.

Tingkat terakhir pula dikenali sebagai *citizen control*. Pada peringkat ini, komuniti boleh melibatkan diri sepenuhnya dalam aktiviti pemuliharaan budaya perkahwinan mereka. Peringkat ini menunjukkan komuniti yang boleh mengelola komuniti mereka sendiri tanpa bantuan daripada pihak luar.

Rajah 2. 2: Kerangka model *A Ladder of Citizen Participant* (Arnstein, 1969)



ETIKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.5 KESIMPULAN

Kesimpulannya, bab ini menjelaskan tentang penulisan kajian lepas. Sorotan kajian lepas yang diperoleh adalah berkaitan dengan tajuk kajian ini. Berdasarkan kajian lepas yang telah dihasilkan oleh pengkaji lepas membincangkan tentang pemuliharaan budaya kaum peribumi di Malaysia serta tidak tertumpu kepada kaum Jawi Peranakan. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji lepas hanya menggariskan secara ringkas tentang penglibatan komuniti dalam aktiviti menjaga budaya mereka.

Kajian pengkaji lepas berkaitan dengan penglibatan komuniti dalam pemuliharaan budaya masih terdapat kelompangan dari segi kepelbagaian kaum dan budaya di Malaysia terutamanya golongan Jawi Peranakan. Kajian yang telah dijalankan lebih tertumpu kepada kaum dan budaya yang sama iaitu golongan Orang Asli. Manakala kajian berkaitan Jawi Peranakan tertumpu kepada budaya yang sama iaitu dari segi adat perkahwinan. Kelompangan kajian lepas ini dapat dijadikan panduan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini.

Pengkaji menggunakan teori *Ladder of Citizen Participant* (Arnstein, 1969) kerana ia sesuai dengan tajuk kajian iaitu Penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam pemuliharaan budaya. Teori ini mempunyai 8 peringkat dan terbahagi kepada 3 bahagian. Bahagian pertama adalah *Non participant* yang merangkumi *manipulation* dan *therapy* manakala bahagian kedua adalah *tokenisme* yang melibatkan *Informing*, *consultation* dan *placation*. Bahagian terakhir adalah *citizen control* yang terdiri daripada *partnership*, *delegation* dan *citizen control*. Penggunaan teori ini dapat menunjukkan tahap penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam memulihara budaya mereka yang kian menghilang.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Metodologi merupakan kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mencari data yang berkaitan dengan tajuk kajian yang akan dijalankan. Menurut Cohen dan Manion (1996) metodologi merupakan satu kaedah untuk mengumpulkan data. Manakala menurut Ruhizan Mohammad Yasin et al. (2010) pula, data yang terbaik diperoleh daripada penyelidikan melalui perancangan yang tersusun berdasarkan reka bentuk yang sesuai iaitu pendekatan yang digunakan dalam proses mendapatkan data dan maklumat. Dalam membincangkan reka bentuk penyelidikan, pengkaji perlu membincangkan pemboleh ubah penyelidikan yang digunakan dan bagaimana pemboleh ubah itu akan diukur. Selain itu, ia juga digunakan untuk membincangkan tentang populasi yang terlibat untuk mengenal pasti responden kajian ini.

Bab ini menjelaskan tentang kaedah yang digunakan dalam kajian untuk mengumpul dan menganalisis data yang diperoleh tentang penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam pemuliharaan budaya mereka melalui sumber yang bertepatan dengan reka bentuk kajian ini. Menurut Webster & Watson (2002), cara ini didefinisikan sebagai cara mengenalpasti, menilai dan mentafsir kajian yang berkaitan dengan topik utama kajian penyelidikan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi mengumpul maklumat. Kaedah kuantitatif yang digunakan adalah menggunakan borang soal selidik manakala kaedah kualitatif pula menggunakan kajian kepustakaan.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Brayman (2008) mentafsirkan reka bentuk kajian sebagai kerangka yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul dan menganalisis data. Reka bentuk kajian adalah cadangan untuk menjalankan kajian yang berkaitan interaksi, strategi penyelidikan serta metod kajian (Creswel, 2009). Kajian ini menggunakan dua reka bentuk kajian iaitu bentuk kualitatif dan bentuk kuantitatif. Reka bentuk kualitatif sesuai digunakan untuk kajian penerokaan (Crawford & Irving, 2009). Manakala, bagi reka bentuk kuantitatif pula banyak digunakan dalam kajian deskriptif (Robson, 2011). Kedua-dua reka bentuk ini digunakan untuk menjawab persoalan serta objektif kajian yang dijalankan ini.

3.2.1 KAEDAH KUALITATIF

Menurut Tylor dan Bogdan (1984), data kualitatif merupakan lisan atau tulisan tentang kelakuan manusia yang dapat dilihat. Terdapat 3 jenis data yang diperoleh melalui data kualitatif iaitu (Patton, 1990):

- i. Hasil pemerhatian: Penerangan lebih terperinci mengenai keadaan, kejadian, tingkah laku yang dilihat ketika di lapangan
- ii. Hasil temu bual: Maklumat yang diperoleh secara langsung daripada individu yang ditemu bual mengenai pengalaman, sikap dan pemikiran mereka.
- iii. Bahan bertulis: Dokumen, surat, rakaman, kajian lepas dan sebagainya.

Bagi memperoleh maklumat dan data berkaitan tajuk kajian, pengkaji menggunakan temu bual yang diperoleh melalui individu berpengalaman.

a. Temu Bual

Temu bual merupakan satu kaedah yang digunakan untuk menemu ramah responden mengikut garis panduan yang ditetapkan. Setiap maklumat yang diperolehi merupakan data yang penting dalam sesebuah kajian. Maklumat penting juga akan dicatat sebagai nota tambahan pengkaji. Pengetahuan yang mendalam tentang sesuatu topik kajian akan diperolehi oleh pengkaji melalui temu bual ini. Kebaikan kaedah temu bual ini adalah seperti berikut:

- i. Sampel yang digunakan lebih kecil
- ii. Pengkaji mampu menerangkan jawapan responden tentang topik dengan lebih terperinci
- iii. Pengkaji dapat membuat pemerhatian melalui responden.

Terdapat dua bentuk temu bual iaitu berstruktur dan tidak berstruktur. Dalam kajian ini, pengkaji memilih bentuk berstruktur. Pengkaji menyediakan senarai soalan yang menjawab kepada objektif kajian ini. Soalan yang telah siap dibina akan diberikan kepada responden terlebih dahulu sebelum ditemu bual. Hal ini kerana, pengkaji ingin memberikan masa kepada responden untuk bersedia dalam menjawab soalan yang diajukan. Soalan yang dihasilkan akan diberikan kepada komuniti Jawi Peranakan yang berumur antara 40 tahun sehingga 60 tahun.

Seramai 3 orang responden yang dipilih untuk menjawab soalan temu bual. 3 orang responden ini mewakili komuniti Jawi Peranakan di Jalan Kapitan Keling, George Town, Pulau Pinang. Temu bual ini akan menggunakan telefon sebagai media untuk berkomunikasi dengan responden. Hal ini kerana, pandemik covid 19 menyukarkan responden untuk keluar ke tempat responden. Maklumat ini diperolehi melalui responden yang berumur kerana mereka

mempunyai pengetahuan yang banyak tentang Jawi Peranakan di Pulau Pinang. Temu bual akan direkod dalam bentuk audio. Hal ini kerana, pengkaji dan responden tidak dapat bersemuka.

3.2.2 KAEDAH KUANTITATIF

Menurut Chua (2006), kuantitatif adalah suatu penyelidikan yang menekankan kepada objektif melalui pengumpulan dan analisis data. Hasil data kuantitatif dalam kajian ini diperoleh daripada soal selidik. Kuantitatif berasal daripada perkataan kuantiti yang membawa bermaksud bilangan dan jumlah. Kajian ini menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat tentang sejarah awal komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang dan melihat tahap penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam pemuliharaan budaya perkahwinan.

Menurut Ghazali (2003) kaedah soal selidik merupakan satu kaedah yang berkesan untuk mendapatkan maklumat dan data mengenai kajian yang dijalankan. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan maklumat dan data tentang tahap penglibatan komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang dalam pemuliharaan budaya. Bahasa yang akan digunakan dalam borang soal selidik adalah mengikut tahap kefahaman responden.

3.3 PROSES PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data dijalankan untuk memperoleh maklumat yang diperlukan dalam kajian untuk mencapai objektif kajian ini. Proses pengumpulan data ditentukan dengan teknik-teknik yang terdapat di dalam hipotesis. Menurut Gulo (2002) pengumpulan data merupakan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam mencapai

objektif dari sesuatu kajian. Maklumat atau data mempunyai pelbagai bentuk yang berbeza dan memerlukan metod yang berlainan untuk setiap bentuk maklumat. Proses pengumpulan data merujuk kepada penggunaan pelbagai teknik untuk mengumpul maklumat bagi mencapai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi (Bryman & Bell, 2007). Menurut Nan Lin (1976) proses pengumpulan data terbahagi kepada 8 tahap iaitu:

- i. Tinjauan literatur dan berkonsultasi dengan pakar
- ii. Mempelajari dan membiasakan diri dengan kelompok masyarakat yang dikaji
- iii. Kajian rintis (*Pilot study*)
- iv. Merumus dan menyusun soalan soal selidik.
- v. Mencatat dan mengekod (*recording and coding*)
- vi. *Cross checking*, kesahan, kebolehanpercayaan
- vii. Pengorganisasian dan mencatat data yang telah diperoleh untuk dianalisis

3.3.1 DATA PRIMER

Data primer merupakan data awal atau utama (Rohana Yusof, 2004). Menurut Sabitha Marican (2005) tentang data primer adalah data awal yang dikumpulkan dengan khusus bagi menjawab kepada persoalan kajian. Pengkaji menggunakan temu bual dan soal selidik bagi mengumpulkan data dan maklumat. Ia boleh dihasilkan dalam bentuk kualitatif dan kuantitatif.

a. Temu Bual

Temu bual ini berfokus kepada kumpulan (*focus group*) dan untuk menentukan informan temu bual. Kaedah temu bual dijalankan untuk mendapatkan maklumat tentang kajian yang dijalankan. Maklumat daripada responden diperoleh untuk menjawab kepada persoalan

kajian ini. Pengkaji menemubual responden dengan menggunakan telefon dan *google meet*. Responden yang dipilih untuk temu bual adalah daripada komuniti Jawi Peranakan yang tinggal di Jalan Kapitan Keling, Pulau Pinang.

b. Soal Selidik

Soal selidik digunakan untuk menganalisis pengetahuan responden tentang sejarah, dan faktor perubahan budaya perkahwinan serta menganalisis tahap penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam pemuliharaan budaya perkahwinan mereka. Populasi Jawi Peranakan dalam kategori Melayu di Jalan Kapitan Keling adalah seramai 140 orang. Populasi Melayu di Jalan Kapitan keling agak rendah kerana sebahagian daripada populasi di Jalan itu terdiri daripada kaum cina. Bilangan sample yang sesuai dengan populasi adalah sebanyak 103 sample. Responden dipilih secara rawak mudah berdasarkan jadual Krejcie & Morgan (1970):

Jadual 3.1: Jadual saiz sample Krejcie & Morgan (1970)

Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel
10	10	150	108	460	210	2,200	327
15	14	160	113	480	214	2,400	331
20	19	170	118	500	217	2,600	335
25	24	180	123	550	226	2,800	338
30	28	190	127	600	234	3,000	341
35	32	200	132	650	242	3,500	346
40	36	210	136	700	248	4,000	351
45	40	220	140	750	254	4,500	354
50	44	230	144	800	260	5,000	357
55	48	240	148	850	265	6,000	361
60	52	250	152	900	269	7,000	364
65	56	260	155	950	274	8,000	367
70	59	270	159	1,000	278	9,000	368
75	63	280	162	1,100	285	10,000	370
80	66	290	165	1,200	291	15,000	375
85	70	300	169	1,300	297	20,000	377
90	73	320	175	1,400	302	30,000	379
95	76	340	181	1,500	306	40,000	380
100	80	360	186	1,600	310	50,000	381
110	86	380	191	1,700	313	75,000	384
120	92	400	196	1,800	317	100,000	384
130	97	420	201	1,900	320		
140	103	440	205	2,000	322		

Soal selidik direka untuk menjawab persoalan kajian ini. Menurut Mohd Najib (2003) soal selidik mudah diproses dan dianalisis jika soalan yang dibina tersusun dan baik. Soal selidik dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Keempat-empat bahagian ini mempunyai soalan terbuka dan tertutup. Ketiga-tiga bahagian ini adalah seperti berikut:

Bahagian A: Demografi

Soalan pada bahagian ini tertumpu kepada latar belakang responden iaitu umur dan jantina. Bahagian ini bertujuan untuk memudahkan pengkaji mengelaskan dan mengenalpasti identiti komuniti Jawi Peranakan. Soalan, ini menggunakan jenis demografi untuk mendapatkan maklumat seperti:

Jantina: Lelaki
 Perempuan

Bahagian B: Sejarah Kewujudan Jawi Peranakan Di Pulau Pinang

Bahagian B adalah tentang pengetahuan tentang sejarah kewujudan komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang. Soalan ini mempunyai kaitan dengan objektif kajian iaitu meneroka sejarah kewujudan komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang. Soalan pada bahagian ini menggunakan pilihan Ya atau Tidak seperti berikut:

Ya:
Tidak:

Bahagian C: Faktor Budaya Jawi Peranakan Semakin Dilupakan.

Kemudian, bahagian C adalah bahagian ketiga dalam soal selidik. Soalan pada bahagian ini adalah berkaitan faktor budaya Jawi Peranakan semakin dilupakan. Bahagian ini menggunakan 5 skala likert seperti berikut:

- i. Sangat tidak setuju
- ii. Kurang setuju
- iii. Tidak pasti
- iv. Setuju
- v. Sangat setuju

Bahagian D: Penglibatan Jawi Peranakan Dalam Pemuliharaan Budaya.

Bahagian D adalah bahagian terakhir dalam soal selidik ini. Soalan pada bahagian ini berkaitan dengan penglibatan Jawi Peranakan dalam pemuliharaan budaya mereka. Bahagian ini juga menggunakan skala likert seperti bahagian C.

Soal selidik yang berbentuk *Google Form* akan diedarkan melalui media sosial seperti *Whatsapp*, *Facebook*, *Telegram* dan sebagainya. Hal ini kerana, keadaan pandemik Covid 19 menyukarkan pengkaji untuk turun ke lapangan. Maka, pengkaji menggunakan platform elektronik untuk mengumpul data. Selain itu, maklum balas dan kerjasama daripada pihak komuniti Jawi Peranakan mungkin memakan masa yang panjang dan sukar kerana kebanyakan mereka tidak menggelarkan diri mereka sebagai Jawi Peranakan.

3.3.2 DATA SEKUNDER

Data sekunder merujuk kepada data tambahan atau data sokongan seperti buku, kajian lepas, jurnal serta artikel (Sugiono, 2008). Untuk memperoleh data sekunder, pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan seperti jurnal, surat khabar dan buku yang berkaitan dengan budaya perkahwinan Jawi Peranakan. Data sekunder adalah panduan kepada pengkaji untuk menyokong fakta yang diperoleh melalui responden.

a. **Kepustakaan**

Kaedah ini digunakan bagi membantu pengkaji mencari sumber rujukan yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian ini. Oleh itu, Penyelidikan ini memerlukan maklumat mengenai sejarah atau asal usul komuniti Jawi Peranakan, adat dan budaya Jawi Peranakan dan maklumat lain lagi. Selain itu, kajian-kajian lepas juga akan dijadikan sebagai rujukan oleh pengkaji untuk meneliti maklumat bagi menyokong tajuk kajian yang akan dihasilkan.

Kajian-kajian lepas penting untuk memastikan kajian yang akan dibuat tidak sama dengan kajian lepas. Bahan rujukan perlulah mempunyai kaitan dengan tajuk kajian. Antara maklumat yang sesuai dengan tajuk kajian pengkaji adalah mengenai sejarah, budaya, isu-isu semasa, pendapat para sarjana tentang definisi dan sebagainya. Seterusnya, untuk menyokong lagi tajuk kajian ini, pengkaji mencari maklumat melalui buku Jawi Peranakan, tesis, akhbar dan artikel di perpustakaan Balik Pulau, Pulau Pinang dan beberapa perpustakaan yang mempunyai maklumat tentang tajuk kajian ini.

3.3.3 Persampelan

Pengkaji menggunakan pensampelan bukan kebangkalian *snow ball*. Pensampelan *snow ball* dimulakan dengan seorang responden Jawi Peranakan dan responden awal tersebut memperkenalkan responden kedua, ketiga dan seterusnya kepada pengkaji. Responden yang dipilih mempunyai ciri-ciri yang mewakili keseluruhan komuniti Jawi Peranakan. Pensampelan ini digunakan kerana komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang sukar untuk dikenalpasti. Namun, pengkaji mengenali seorang komuniti Jawi Peranakan dan melaluinya pengkaji akan memperoleh responden kedua dan seterusnya sehingga saiz sample mencukupi.

3.4 KAEDAH ANALISIS DATA

Analisis data merupakan proses untuk menganalisis hasil dapatan kajian dalam bentuk yang mudah difahami. Terdapat dua kaedah yang digunakan bagi menganalisis data iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kuantitatif akan dimulakan dengan mengedarkan borang soal selidik melalui laman sosial untuk mendapatkan data tentang tajuk kajian ini. Maklumat dan data yang diperoleh akan dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu melibatkan peratus dan kekerapan. Statistik deskriptif digunakan untuk menggambarkan data seperti min, median, varian dan sebagainya. Data-data yang diperoleh hasil daripada soal selidik masih tidak tersusun dan harus diringkaskan dengan teratur dalam bentuk jadual, grafik untuk mendapatkan keputusan.


3.4.1 ANALISIS DATA KUANTITATIF

Data soal selidik yang dibahagikan kepada 4 bahagian akan dianalisis dengan menggunakan sisihan piawai. Statistik deskriptif digunakan untuk menyelesaikan kiraan dan pendapat yang berbeza dalam sesuatu kajian. Statistik deskriptif dapat meringkaskan data atau maklumat

dalam bentuk yang mudah dan jelas. Statistik deskriptif digunakan untuk menerangkan ciri-ciri set data yang dikumpulkan seperti min, median, mod, variasi dan sisihan piawaian. Sisihan piawaian meliputi peratusan (%) dan nilai (n). Data yang diperoleh daripada soal selidik kajian ini akan dianalisis menggunakan bilangan, peratusan dan min dalam bentuk jadual, graf dan carta pai.

3.4.2 ANALISIS DATA KUALITATIF

Data temu bual dianalisis dengan menggunakan analisis tematik. Menurut Brown & Clarke (2006) analisis tematik melibatkan pencarian kumpulan data melalui temu bual atau teks untuk mencari pola makna yang berulang-ulang. Manakala, menurut Holloway & Todres (2003) pula mengatakan analisis tematik adalah dasar atau asas dalam menganalisis data kualitatif. Analisis tematik digunakan dalam mengkategorikan data dan maklumat untuk membina tema yang dapat menjawab persoalan kajian ini. Analisis tematik mempunyai persamaan dengan analisis kualitatif yang lain. Peringkat pertama analisis tematik adalah menganalisis data kemudian membuat pengekodan, mencari tema dan akhir sekali membuat laporan dalam bentuk jadual. Analisis ini memudahkan pembaca untuk memahami data yang diperoleh oleh pengkaji. Proses analisis tematik kajian ini akan disertakan di bawah:



Rajah 3.1: Proses Analisis Tematik

i. Memahami Data

Data yang diperoleh perlu dibaca berulang kali supaya dapat difahami dengan lebih jelas. Hasil maklumat yang diperoleh melalui temu bual dilihat dengan lebih mendalam dan teliti. Rakaman dan catatan semasa sesi temu bual dengan responden merupakan perkara paling penting untuk menganalisis data. Rakaman tersebut akan didengar semula dan dibuat catatan dalam buku tulis untuk mengeluarkan isi-isi penting sebelum dibuat pengekodan. Catatan ini dapat memudahkan pengkaji untuk memahami data dan mencari makna yang terdapat dalam data tersebut. Catatan tersebut mungkin hanya difahami oleh pengkaji sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana catatan tersebut mungkin berbentuk nota, dan ulasan pengkaji tentang data yang diperoleh

ii. Pengekodan

Pengekodan adalah peringkat kedua dalam proses analisis tematik. Kod digambarkan seperti tajuk atau label utama yang mempunyai kaitan dengan kajian. Pengkaji akan menentukan kod melalui transkripsi temu bual yang telah dijalankan. kod yang telah dibuat akan diteliti semula supaya memperoleh kod yang relevan. Kod dihasilkan dengan menulis makna yang terdapat dalam data temu bual. Melalui cara ini, pengkaji dapat menginterpretasikan maksud di sebalik jawapan responden yang ditemu bual.

iii. Mencari Tema

Menurut Boyatzis (1998) tema merupakan gambaran yang penting dan mempunyai kaitan dengan masalah kajian. Kod-kod yang mempunyai persamaan maksud akan diletakkan dalam kelompok tema yang sama. Dalam menentukan tema, soalan yang ditanya semasa temu bual haruslah bersambung atau berkait dengan soalan awal. Untuk menentukan tema,

tema tentatif perlu ditentukan terlebih dahulu. Tema tentatif adalah tema awal analisis yang mempunyai kemungkinan untuk berubah semasa pengkaji membuat penelitian tentang tema.

iv. Triangulasi Data

Menurut Merriem (1998), Triangulasi merupakan kaedah yang digunakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan penyelidikan kualitatif. Kaedah ini dapat meningkatkan kredibiliti maklumat yang diperoleh dalam sesuatu penyelidikan (Linclon Stake, 1995). Dengan menggunakan kaedah triangulasi yang melibatkan data daripada temubual responden dan pengkaji lain mampu meningkatkan kebolehpercayaan kajian ini.

v. Laporan

Analisis tematik merupakan kaedah yang digunakan oleh penyelidik untuk menganalisis data kualitatif. Setelah data dikelompokkan dalam bentuk jadual, pengkaji akan menerangkan dengan lebih terperinci tentang data-data yang diperoleh dalam bentuk teks penulisan.

3.5 KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN

Kesahan dan kebolehpercayaan adalah dua isu berbeza yang harus diperhatikan oleh pengkaji sebelum menggunakan kaedah tersebut dalam kajian. Menurut Alias Baba (1997) kesahan merupakan sebuah instrumen yang digunakan untuk mengukur sesuatu maklumat dalam sesebuah kajian. Manakala kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan dan ketetapan instrumen yang digunakan dalam kajian. Satu instrument yang digunakan dalam kajian mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi jika jumlah skor yang diperoleh sama apabila menjawab satu set soalan pada masa yang berbeza (Majid Konting, 2005).

Instrumen yang digunakan di dalam kajian ini adalah temu bual dan soal selidik. Kesahan temu bual boleh diperoleh melalui rakaman audio antara pengkaji dan responden kajian semala sesi temu bual. Rakaman suara setiap responden dirakam untuk transkripsi supaya dapat menyokong penulisan kajian. Pengesahan data utama oleh responden dapat meningkatkan kebolehpercayaan data kajian.

Manakala bagi kesahan soalan soal selidik, pengkaji meminta pakar untuk menilai dan menyemak soalan soal selidik yang dibina oleh pengkaji. Penilaian yang diberikan oleh pakar akan diperbaiki semula. Pakar yang menilai soalan soal selidik menggunakan kajian lepas berkaitan Jawi Peranakan dalam menentukan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Hal ini kerana, dokumen seperti kajian lepas, buku dan sebagainya adalah tepat dan sah untuk digunakan. Selain itu, kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian ini boleh dibuktikan dengan soal selidik yang diedarkan oleh pengkaji kepada responden. Responden yang menjawab soal selidik ini dapat menyokong kebolehpercayaan kajian ini.

3.6 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, bab 3 ini menerangkan tentang metodologi kajian dan kaedah analisis data yang digunakan di dalam kajian. Perbincangan bab ini meliputi proses pengumpulan data, kaedah analisis data serta kesahan dan kebolehpercayaan maklumat dan data kajian. Kaedah kualitatif dan kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Bagi kaedah kualitatif pengkaji menggunakan kepustakaan manakala bagi kuantitatif pula menggunakan soal selidik. Kaedah kualitatif dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini dapat membantu pengkaji menjalankan kajian berkaitan penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam pemuliharaan budaya dengan lancar. Semua maklumat yang diperoleh dianalisis bagi menjawab persoalan kajian dan objektif kajian ini.

BAB IV

ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini membentangkan semua hasil dapatan kajian yang diperolehi berdasarkan objektif serta persoalan kajian yang dibina. Pengkaji memperoleh data dapatan kajian melalui kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kedua-dua kaedah kajian ini digunakan untuk mendapatkan data-data yang berkaitan sejarah perkembangan Jawi Peranakan, budaya sebenar serta penglibatan komuniti Jawi Peranakan untuk memulihara budaya mereka. Hanya 3 orang responden komuniti Jawi Peranakan di sekitar Jalan Kapitan Keling, George Town, Pulau Pinang yang dipilih untuk menjalankan temu bual. Hal ini kerana responden lain sukar untuk memberi kerjasama dan kurang pengetahuan tentang sejarah kebudayaan mereka. Kekangan waktu juga menyebabkan pengkaji sukar untuk mencari responden lain. Kemudian, soal selidik diedarkan kepada 103 orang komuniti Jawi Peranakan melalui google form secara atas talian. Google Form diedarkan melalui *whatsapp dan facebook*. Hal ini kerana pandemik Covid 19 menyukarkan pengkaji untuk menjalankan kajian di kajian lapangan.

4.2 ANALISIS DAPATAN TEMU BUAL

Seperti mana yang dijelaskan dalam ulasan pada bab tiga, dapatan kajian pada bab ini diperoleh daripada temu bual 3 orang responden. 3 responden ini dipilih untuk mewakili komuniti Jawi Peranakan di sekitar Jalan Kapitan Keling, George Town, Pulau Pinang. Kesemua responden yang dipilih mempunyai pengetahuan tentang komuniti Jawi Peranakan. Hal ini kerana ia akan memudahkan pengkaji untuk memperoleh maklumat yang jelas dan tepat. Responden dilabelkan dengan kod bagi memudahkan pengkaji menganalisis data. Kodnya adalah seperti berikut:

Jadual 4.1: Kod responden dan huraian

Kod	Huraian
KJP-R1	Komuniti Jawi Peranakan 1
KJP-R2	Komuniti Jawi Peranakan 2
KJP-R3	Komuniti Jawi Peranakan 3

Sumber: Kajian Lapangan, 2021.

Temu bual ini dijalankan secara atas talian iaitu menggunakan google meet dan panggilan telefon. Hal ini kerana responden tidak mahu mengambil risiko untuk bersemuka dengan pengkaji. Seorang responden berumur 60 an menggunakan google meet manakala responden 40 an menggunakan panggilan telefon. Kemudian, pengkaji menggunakan telefon lain untuk merekod perbualan bersama kesemua responden. Kesemua responden berbangsa Melayu dan berasal daripada Pulau Pinang. Seorang responden adalah lelaki dan dua responden adalah perempuan. Maklumat responden dijadualkan seperti berikut:

Jadual 4.2: Maklumat responden

Maklumat Responden	KJP-R1	KJP-R2	KJP-R3
Jantina Lelaki Perempuan	/	/	/
Bangsa Melayu	/	/	/
Umur 40 tahun-70 tahun	/	/	/

Sumber: Kajian Lapangan 2021

Tema dapatan kajian ini terbahagi kepada 3 iaitu Jawi Peranakan, faktor perubahan budaya Jawi Peranakan dan Tahap penglibatan Jawi Peranakan Jawi Peranakan memulihara budaya perkahwinan. Sub tema bagi tema pertama dan kedua pula terbahagi kepada 3 manakala yang ketiga hanya mempunyai 1 sub tema. Tema dan sub tema dibuat bagi memudahkan pengkaji dan pembaca untuk lebih memahami dapatan kajian ini. Tema dan sub tema dipersembahkan dalam bentuk jadual seperti berikut:

Jadual 4.3: Tema dan sub tema temu bual

No.	Tema	Sub Tema
A	Jawi Peranakan	A1. Taburan komuniti Jawi Peranakan
		A2. Sejarah pembentukan Jawi Peranakan di Pulau Pinang
		A3. Gelaran Jawi Peranakan
B	Faktor perubahan budaya Jawi Peranakan	B1. Budaya perkahwinan asal Jawi Peranakan
		B2. Budaya perkahwinan Jawi Peranakan semakin berubah
		B3. Inisiatif pemuliharaan budaya perkahwinan Jawi Peranakan
		B4. Faktor perubahan budaya perkahwinan Jawi Peranakan
C	Tahap penglibatan Jawi Peranakan dalam pemuliharaan budaya perkahwinan.	C1. Pendapat responden tentang tahap penglibatan Jawi Peranakan dalam pemuliharaan budaya Perkahwinan

Sumber: Kajian Lapangan 2021

4.3 ANALISIS JAWI PERANAKAN

Analisis bagi tema ini terbahagi kepada tiga pecahan sub tema. Pada bahagian ini akan diterangkan tentang sejarah Jawi Peranakan di Pulau Pinang iaitu taburan komuniti Jawi Peranakan, sejarah pembentukan komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang dan gelaran komuniti Jawi Peranakan. Data yang diperoleh semasa temu bual adalah seperti berikut:

4.3.1 Taburan komuniti Jawi Peranakan

Analisis sub tema ini melibatkan pengetahuan responden tentang taburan Jawi Peranakan sama ada di Pulau Pinang atau di seluruh dunia. Komuniti Jawi Peranakan telah terbentuk di Kedah dan Perlis sebelum terbentuk di Pulau Pinang. Komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang terbentuk di Pulau Pinang disebabkan perdagangan dan dasar buka pintu oleh pihak British. Berikut merupakan pendapat bagi kesemua responden tentang sub tema pertama:

Apabila kita nak cakap taburan itu, taburan itu mestilah berdasarkan kepada kesedaran kelompok itu dalam membawa satu institusi sosial. Walaupun semua Jawi Peranakan adalah Melayu tapi kesedaran mereka sebagai Jawi peranakan itu hanya ada pada segelintir kelompok sahaja. Dalam kelompok Jawi Peranakan yang banyak mungkin 2, 3 peratus sahaja yang membawa identiti Jawi Peranakan. Yang lain anggap diri mereka sebagai Melayu ataupun malu nak sebut kumpulan India. Jawi Peranakan ni juga ada elemen keturunan Arab. Keturunan ni juga ramai di Pulau Pinang. Jadi taburan tu bukanlah yang boleh nampak

(KJP-R1)

Kalau kita nak kata taburan Jawi Peranakan ni ada di mana-mana negeri di Malaysia ni terutamanya di Melaka, Perlis, Kedah dan sebagainya. Kalau luag dari Malaysia ni di Singapura pun ada. Dulu banyak komuniti Jawi Peranakan di Singapura. Nak diikutkan banyak ja kelompok Jawi Peranakan ni di Malaysia tapi yang mengaku sebahagian daripada Jawi Peranakan ni tidak ramai dah. Ia bergantung kepada kesedaran Jawi Peranakan itu sendiri. Kadang Jawi Peranakan tu sendiri tak sedar dia Jawi Peranakan.

(KJP-R2)

Berdasarkan pengetahuan saya, taburan Jawi Peranakan ni mengikut atas seseorang Jawi Peranakan itu. Jawi Peranakan ni ada di banyak negeri. Kita tak boleh cakap jawi Peranakan tu kat Penang sahaja. Ia bergantung kepada kesedaran Jawi Peranakan itu sendiri. Kadang Jawi Peranakan tu sendiri tak sedar dia Jawi Peranakan. Tapi banyak kelompok Jawi Peranakan yang kita boleh nampak adalah di Penang, Kelantan pun ada, Singapura pun ada, Kedah, pun ada. Secara kasarnya, di Penang lah.

(KJP-R3)

Berdasarkan ketiga-tiga responden tersebut, Jawi Peranakan ini tinggal di kebanyakan negeri. Taburan Jawi Peranakan berasaskan kesedaran dan pengakuan seseorang Jawi Peranakan itu sendiri. Sesetengah Jawi Peranakan tidak menyedari bahawa dirinya sebahagian daripada komuniti Jawi Peranakan. Hal ini dikatakan demikian kerana komuniti Jawi Peranakan telah mengidentifikasikan diri mereka sebagai Melayu. Kebudayaan mereka juga banyak terserap oleh norma kehidupan orang Melayu. Perkahwinan campur pada hari ini juga telah menyebabkan sesetengah komuniti Jawi Peranakan tidak menyedari dirinya sebagai keturunan Jawi Peranakan. (Omar Yusoff & Noriah Mohamed, 2010). Omar Yusoff (2005), menyatakan bahawa pembentukan komuniti Jawi Peranakan adalah meluas dan berlaku pada tahun 1857. Kedatangan golongan India ke tanah Melayu seperti Melaka, Singapura dan Pulau Pinang telah menyebabkan pembentukan komuniti Jawi Peranakan.

4.3.2 Sejarah pembentukan Jawi Peranakan di Pulau Pinang

Analisis sub tema ini melibatkan pengetahuan responden tentang sejarah pembentukan Jawi Peranakan di Pulau Pinang terutamanya di Jalan Kapitan Keling. Komuniti Jawi Peranakan telah wujud sejak beribu-ribu tahun yang lalu. Berikut merupakan pendapat bagi kesemua responden tentang sub tema pertama:

Sejarah di Pulau Pinang ni daripada beribu-ribu tahun kalau kita ambik daripada keturunan, budaya dan perdagangan. Orang daripada benua India telah berlabuh,

menghuni di semenanjung Tanah Melayu Kedah dan Pulau Pinang sejak katakanlah kita ambik 2000 tahun yang lalu. Tapi mereka tak dikenali sebagai Jawi Peranakan. Cuma identiti Jawi Peranakan ini dibentuk dan dicipta dalam tahun 1820 an. Ini merupakan catatan yang ditulis tapi kesedaran dalam kalangan orang Melayu kahwin campur ini adalah mereka sedar mereka Melayu.

(KJP-R1)

Pembentukan Jawi Peranakan di Pulau Pinang bermula dengan perkahwinan campur antara wanita Melayu dengan India Muslim dari India. Anak mereka itu yang kita kenal sebagai Jawi Peranakan. Kebanyakan India Muslim dulu datang ke Pulau Pinang untuk aktiviti berdagang kemudian bertemu jodoh di Pulau Pinang. Selepas itu wujud lah perkahwinan campur, budaya campur dan sebagainya. Jawi Peranakan ini bukan sahaja campuran India, ada juga campuran Arab. Jawi Peranakan ni juga dikenali dengan nama Jawi Pekan dalam kalangan masyarakat. Komuniti Jawi Peranakan ni wujud dah lama. Beribu tahun yang lalu. Kiranya Jawi Peranakan ni sama-sama dengan Melayu Pulau Pinang ini memang sudah lama wujud.

(KJP-R2)

Jawi peranakan ini kira campuran antara India, Arab dan Melayu. Komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang ini hidup dalam komuniti orang Melayu. Komuniti kami ini sudah wujud lama. Tahun bila pun kita tak tahu. Asalnya, orang India berlabuh di Penang untuk berdagang rempah apa semua kemudian berkahwin dengan orang wanita Melayu. Daripada situlah wujud Jawi Peranakan.

(KJP-R3)

Menurut ketiga-tiga responden, komuniti Jawi Peranakan ini mula terbentuk di Pulau Pinang sejak beribu tahun yang lalu. Hal ini dikatakan demikian kerana pedagang yang datang daripada benua India telah menetap dan berkahwin dengan wanita Melayu. Walau bagaimanapun, pada awal kemunculan komuniti ini di Pulau Pinang identiti mereka masih tidak dikenali sehingga awal tahun 1820. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Omar Bin Yusoff (2005) dalam kajiannya yang bertajuk Kaum Jawi Peranakan Di Pulau Pinang: Isu-isu budaya dalam konteks pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia. Peningkatan komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang disebabkan oleh pihak British yang menggalakkan penduduk India berhijrah ke negeri selat terutamanya di Pulau Pinang dan Melaka untuk

bekerja sebagai pedagang, buruh serta lain-lain. Selain itu, British juga telah menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat tahanan bagi banduan India. Hal ini telah menyebabkan peningkatan perkahwinan campur di antara wanita Melayu dan India Muslim.

4.3.3 Gelaran komuniti Jawi Peranakan

Jawi Peranakan mempunyai beberapa nama panggilan atau gelaran yang diberikan sejak awal pembentukan mereka di Pulau Pinang. Gelaran merupakan nama panggilan yang diberikan kepada seseorang atau kepada kaum tertentu untuk menandakan kedudukan secara rasmi. Berikut adalah jawapan responden bagi sub tema A3 iaitu gelaran komuniti Jawi Peranakan:

Semua ni boleh digolongkan sebagai orang Tanjung. Orang Tajung ni merujuk kepada dua maksud. Satu maksud mereka yang menghuni di Tanjung, George Town. Yang umumnya mereka yang daripada Jawi Peranakan, Jawi Pekan dan ada jugak orang Melayu digelar sebagai orang Tajung. Orang Tanjung ni merujuk kepada orang Pulau Pinang. Orang Pulau tapi bukan semua orang Pulau Pinang. Dia hanya di sekitar timur laut dan timur Pulau Pinang sahaja. itu maksud orang Tanjung. Ada dua maksud lah. Satu orang George Town yang dulu dikenali sebagai Tanjung Penaga satu lagi ialah orang di Pulau Pinang.

(KJP-R1)

Gelaran ni ada tiga. Gelaran sekarang adalah Jawi peranakan lah, namun penduduk di Pulau Pinang menggelarkan Jawi Peranakan ni sebagai orang Tanjung. Kalau dulu gelaran dia Jawi Pekan sebab komuniti ni banyak tinggal di Pekan yang sekarang dikenali sebagai Georgetown. Jadi ada tiga gelaran yang masih digunakan di Pulau Pinang. Berbeza pulak dengan di negeri lain. Negeri lain ni depa guna Keling, Sheikh dan sebagainya.

(KJP-R2)

Emm gelaran kalau la ni Jawi Peranakan lah. Tapi penduduk di Pulau Pinang bagi gelaran dekat depa ni orang Tanjung. Kalau dulu gelaran dia Jawi Pekan lah sebab komuniti ni tinggal di Pekan.

(KJP-R3)

Berdasarkan kesemua jawapan responden, pengkaji mendapati Jawi Peranakan mempunyai 3 gelaran. Antaranya adalah Jawi Pekan, Jawi Peranakan dan orang Tanjung. Menurut responden yang pertama, Jawi Pekan digelar kepada komuniti Jawi Peranakan kerana kebanyakan komuniti ini tinggal dan menetap di pekan atau George Town sejak dahulu lagi. Masyarakat Melayu di Pulau Pinang pula menggelar komuniti ini sebagai orang Tanjung kerana mereka tinggal di Tanjung. Istilah Tanjung adalah di kawasan Timur Laut Pulau Pinang. Hal ini disokong oleh Omar Yusoff, (2005) yang menyatakan komuniti Jawi Peranakan mempunyai banyak gelaran dan setiap tempat mempunyai gelaran yang tersendiri. Di Melaka, Jawi Peranakan dikenali sebagai Peranakan Keling dan di Singapura komuniti ini dikenali sebagai Jawi Peranakan juga. Namun, gelaran Jawi Peranakan di Pulau Pinang bukan sahaja merujuk kepada wanita Melayu yang berkahwin dengan India Muslim. Ia juga merujuk kepada perkahwinan campur antara wanita Melayu dan lelaki Arab, Bengali, Punjabi, Aceh dan sebagainya. Di Pulau Pinang, komuniti ini mempunyai ikatan kekeluargaan yang rapat dan sebahagian daripada mereka mempunyai talian persaudaraan dengan kerabat diraja Kedah.

4.4 FAKTOR PERUBAHAN BUDAYA JAWI PERANAKAN

Hasil kajian mendapati, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan budaya Jawi Peranakan di Pulau Pinang. Faktor-faktor tersebut ialah peredaran zaman, faktor keagamaan, Jawi Peranakan telah mengamalkan budaya Melayu sepenuhnya, dan perkahwinan campur kemudian berpindah ke negeri lain. Huraianya adalah seperti berikut:

4.4.1 Budaya perkahwinan asal Jawi Peranakan

Budaya perkahwinan merupakan adat atau amalan yang diturunkan daripada generasi terdahulu kepada generasi seterusnya untuk dipelihara dan digunakan untuk mengekalkan identiti dan keunikan sesuatu kaum. Kehidupan manusia bergantung kepada kebudayaan dan perkembangan manusia dibentuk oleh kebudayaan itu sendiri. Berikut merupakan jawapan responden tentang budaya perkahwinan sebenar mereka.

Sebenarnya budaya perkahwinan ni budaya melayu. Sama ja macam budaya Melayu. mungkin di pulau pinang ni ada beberapa adat yang nak kata berbeza pun tidak. ada la beberapa adat yang diamalkan dahulu pada abad ke 18 abad dan ke 19. Macam orang melayu juga lah ziarah kubur masa raya kan aidilfitri. Jawi peranakan pun ada jugak sebagai satu adat perkahwinan yang kena ziarah kubur lepas akad nikah. Ada orang melayu pun amalkan suap gula jugak masa kahwin.

(KJP-R1)

Kalau dulu banyak lah budaya perkahwinan Jawi Peranakan ni. Tapi sekarang semua ikut Melayu. Kalau budaya sebenar yang kekal sampai sekarang tu suap gula ja la. Tapi sekarang Melayu pun ikut adat tu. Jadinya memang adat Jawi Peranakan ni dah diasimilasikan dengan budaya Melayu. Kalau tanya pasai budaya sebenar ni saya kurang tahu la sebabnya dari dulu memang ikut budaya Melayu.

(KJP-R2)

Boleh dikatakan Jawi Peranakan ni amalkan budaya perkahwinan orang Melayu. sebab komuniti ni dah wujud lama di Pulau Pinang. Jadi generasi sekarang pun tak tahu dah pasai budaya mereka ini. Tok nenek kami sendiri amalkan budaya perkahwinan Melayu. Kecuali kalau ada generasi 1 dan kedua yang tok nenek depa berasal dari India.

(KJP-R3)

Kesimpulannya, budaya Jawi Peranakan dan budaya perkahwinan orang Melayu adalah sama. Hal ini kerana, komuniti Jawi Peranakan telah wujud sangat lama di Tanah Melayu dan mereka telah berasimilasi dengan budaya Melayu. Budaya Jawi Peranakan ini

adalah campuran di antara budaya India dan budaya Melayu. Komuniti Jawi Peranakan generasi hari ini lebih memilih untuk mengamalkan budaya Melayu berbanding budaya daripada India. Komuniti Jawi Peranakan hari ini memilih untuk tidak mempertahankan tradisi budaya yang diwarisi oleh nenek moyang mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka dengan rela hati ingin menjadi sebahagian daripada Melayu (Omar Yusoff, 2005).

4.4.2 Perubahan perkahwinan Jawi Peranakan

Dalam arus permodenan ini, budaya perkahwinan sesebuah kaum seperti Jawi Peranakan mungkin berubah dan dilupakan oleh generasi hari ini. Budaya penting untuk membentuk, memberikan identiti sosial manusia. Menurut Boar (1966), budaya meliputi proses belajar, perkongsian pengetahuan dan tingkah laku sesuatu masyarakat. Berikut merupakan jawapan responden bagi menentukan sama ada budaya mereka mempunyai perubahan atau tidak.

Tidak tidak, budaya perkahwinan Jawi Peranakan tidak berubah. Suap gula ini di tempat lain pun ada jugak kan. Tapi sekarang ini makin kurang. Tapi yang suap gula ni bukan saja adat Jawi peranakan tapi umumnya adat orang Islam di India. Suap gula, suap benda-benda yang manis. Kalau kita pergi ke India, di Iran sama jugak. Itu beberapa yang saya tau lah. Mengenai adat perkahwinan ni tidak banyak perbezaan. Dulu mungkin ada lah pakai sari dan sebagainya tapi sekarang ni kalau pakai pun nak mengada-ngada saja lah. Bukan jadi satu adat resam macam dulu. Telah banyak asimilasi dengan adat resam Melayu.

(KJP-R1)

Kalau ikut pendapat saya la, budaya perkahwinan Jawi Peranakan ni tak berubah pun. Sebab memang dah ikut budaya perkahwinan Melayu. Jawi Peranakan ni wujud sangat lah lama. Jadinya budaya asalnya saya pun tak berapa tahu. Nenek moyang saya pun amalkan budaya Melayu dah. Jadi sampai ke saya dan anak saya jadi budaya Melayu.

(KJP-R2)

Pendapat saya lah kita tak boleh kata berubah la sebab budaya jawi peranakan ni sama ja dengan orang melayu. banyak adat yang dibawa daripada India, Arab dengan

Melayu. Contohnya, suap gula. Yang ni selalu kita Nampak. Budaya ni jugak ada yang orang Melayu amalkan.

(KJP-R3)

Berdasarkan jawapan reponden, budaya komuniti Jawi Peranakan tidak mengalami perubahan. Ia hanya telah berasimilasi dengan budaya Melayu sahaja. Hal ini membuktikan bahawa budaya mereka telah mempunyai persamaan dengan budaya orang Melayu. Proses asimilasi ini boleh berlaku disebabkan orang Melayu menerima komuniti Jawi Peranakan sepenuhnya di Pulau Pinang. Menurut Omar Yusoff (2005), corak kehidupan dan perubahan budaya Jawi Peranakan dikatakan berpunca daripada proses asimilasi dan amalgamasi sejak sekian lama. Melalui budaya sesuatu kaum, identiti sebenar sesuatu kaum itu dapat dikenalpasti dengan mudah (Zainal Abiddin, 1996). Proses asimilasi berlaku apabila sesebuah kelompok bersedia untuk kehilangan kebudayaan asal demi mendapatkan persamaan dengan kebudayaan dominan.

4.4.3 Inisiatif pemuliharaan budaya Jawi Peranakan

Perubahan budaya perkahwinan akan membawa kepada kehilangan keunikan identiti Jawi Peranakan. Jadi inisiatif untuk memulihara budaya Jawi Peranakan diperlukan untuk mengelakkan budaya perkahwinan dilupakan oleh generasi akan datang. Berikut merupakan jawapan responden tentang inisiatif memulihara budaya mereka.

Tidak, tidak ada galakan, tidak ada kesedaran untuk kembali kepada budaya India. Kecuali keluarga itu ada yang bapak dia daripada India ataupun datuk daripada India dan mungkin mereka membawa tradisi itu. Tapi kalau dah generasi ke 6, 7 ke atas tu tidak ada. Kalau ada pun generasi pertama atau kedua. Itu pun mungkin segelintir sahaja. Bukan satu perkara yang lazim

(KJP-R1)

Rasanya takda inisiatif untuk pulihkan budaya perkahwinan ni kalau dalam kalangan komuniti Jawi Peranakan hari ini. Daripada pihak kerajaan mungkin ada. Generasi yang pertama atau kedua juga mungkin masih memulihara budaya perkahwinan Jawi Peranakan ini. Sebab bapa atau tok wan mereka berasal dari India. Kalau yang dah generasi ke 11 macam saya ni dah lama kat Malaysia. Budaya sebenar pun tak tahu dah

(KJP-R2)

Generasi 1 dan ke dua mungkin ada yang nak memelihara budaya ni. Tapi kalau yang dah lama-lama ni tidak ada dah inisiatif untuk memulihara budaya Jawi Peranakan. Tapi daripada pihak kerajaan, ada la inisiatif untuk memulihara budaya ini daripada dilupakan. Sebagai salah satu contoh, memulihara rumah Jawi Peranakan sebagai Galeri.

(KJP-R3)

Kesimpulannya, pengkaji mendapati ketiga-tiga responden ini menyatakan bahawa tiada inisiatif untuk memulihara budaya perkahwinan Jawi Peranakan. Namun generasi baharu yang pertama atau kedua mungkin masih lagi mengamalkan budaya Jawi Peranakan. Walau bagaimanapun responden ketiga menyatakan bahawa pihak kerajaan masih lagi memulihara rumah Jawi Peranakan dengan menjadikan ia sebagai galeri. Hal ini bukan sahaja dapat memulihara budaya perkahwinan komuniti Jawi Peranakan, ia juga dapat memberikan pengetahuan kepada masyarakat sekeliling tentang kewujudan komuniti ini di sekitar negeri Pulau Pinang. Menurut Fujimoto (1989), komuniti Jawi Peranakan telah mendaftarkan diri mereka sebagai Melayu sejak generasi pertama lahir. Hal ini kerana mereka ingin mendapatkan hak keistimewaan orang Melayu semasa pentadbiran British di Pulau Pinang. Perubahan dalam komuniti Jawi Peranakan berlaku disebabkan oleh mereka sendiri dan mereka tidak mempunyai keinginan untuk memulihara budaya perkahwinan mereka lagi.

4.4.4 Faktor perubahan budaya perkahwinan Jawi Peranakan

Perubahan budaya sesuatu kaum berlaku disebabkan generasi muda tidak mengamalkan budaya yang diwariskan kepada mereka. Terdapat pelbagai keadaan yang menyebabkan berlakunya perubahan budaya dan identiti sesebuah kaum. Perubahan budaya perkahwinan Jawi Peranakan disebabkan oleh beberapa faktor dan berikut merupakan faktor yang dinyatakan oleh responden

Faktor pertama adalah Jawi Peranakan mengamalkan budaya Melayu sepenuhnya. Kedua adalah peredaran zaman lah. Bila zaman berganti zaman, banyak benda dah berubah termasuk budaya perkahwinan Jawi Peranakan. Yang ketiga adalah agama Islam. Mungkin ada budaya perkahwinan yang melanggar ajaran agama Islam macam kepercayaan terhadap tarikh pernikahan tertentu membawa malang. Jadi adat budaya tu tak diamalkan dah.

(KJP-R1)

Faktor ni ada banyak. Yang pertama tu sebab peredaran zaman lah. Sebab dah berzaman komuniti Jawi Peranakan ni wujud kan, jadi banyak perubahan yang berlaku termasuk budaya perkahwinan Jawi Peranakan. Yang keduanya sebab agama lah. Kalau dari segi agama ni dulu mungkin ada adat yang bertentangan dengan ajaran Islam jadinya sekarang banyak yang ikut budaya Melayu ja. Memang ikut Melayu sepenuhnya

(KJP-R2)

Sebab yang pertama Jawi Peranakan ni dah amalkan budaya Melayu sepenuhnya yang kedua peredaran zaman. Seterusnya ramai Jawi Peranakan ni dah berkahwin campur dan berpindah ke negeri lain jadinya mereka tak amalkan budaya India dah.

(KJP-R3)

Berdasarkan temu bual bersama responden, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan budaya perkahwinan komuniti Jawi Peranakan berubah. Faktor pertama adalah disebabkan oleh peredaran zaman. Hal ini dikatakan demikian kerana komuniti Jawi Peranakan telah berasimilasi dengan budaya Melayu disebabkan mereka telah wujud sejak

beribu tahun yang lalu. Kedua adalah disebabkan agama. Seperti yang semua sedia maklum, budaya Jawi Peranakan ini adalah campuran di antara budaya Melayu dan budaya dari India. Jadi komuniti Jawi Peranakan lebih memilih untuk mengamalkan budaya Melayu yang sesuai dengan ajaran agama Islam di Malaysia. Faktor yang ketiga adalah golongan muda komuniti Jawi Peranakan telah mengamalkan budaya perkahwinan Melayu sepenuhnya. Faktor yang terakhir adalah komuniti Jawi Peranakan telah berkahwin campur dan telah berpindah ke negeri lain.

Hal ini juga memberi impak terhadap perubahan budaya perkahwinan Jawi Peranakan. Jika dahulu, komuniti hanya dibenarkan untuk berkahwin sesama kelompok mereka sahaja berbeza dengan zaman sekarang. Hal ini dibuktikan dengan data soal selidik yang menunjukkan responden sangat setuju bahawa perubahan yang berlaku disebabkan oleh peredaran masa, agama dan generasi muda menjadi Melayu. Omar Yusoff (2005) proses asimilasi dan amalgamasi berlaku dalam komuniti Jawi Peranakan melalui perkahwinan campur. Proses ini telah berlaku sejak kewujudan komuniti ini iaitu sejak beribu tahun yang lalu. Hal ini sedikit sebanyak telah memberi kesan terhadap tradisi budaya mereka. Rentetan daripada itu, kebudayaan mereka pada hari ini telah mengalami perubahan sekaligus mengubah identiti mereka.

4.5 TAHAP PENGLIBATAN JAWI PERANAKAN DALAM PEMULIHARAAN BUDAYA PERKAHWINAN

Pada bahagian ini, perbincangan menumpukan kepada analisis responden tentang tahap penglibatan komuniti dalam pemuliharaan budaya perkahwinan. Berikut merupakan jawapan responden yang dipilih bagi mewakili komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang:

Berbalik kepada apa yang saya kata tadi, ia bergantung kepada individu itu sendiri. Dia kena mengaku dia Jawi Peranakan. Kalau saya, saya Jawi Pekan. Dalam keluarga saya, istilah Jawi Pekan ini digunakan jadi dalam kalangan keluarga jadi saya tahu. Saya tahu sebab saya study, saya kaji sebagai scholar dan sebagai ahli dalam group itu (gelak). Dengan kelompok yang identify their self as Jawi Peranakan. Di mana ada kesedaran untuk kembali menjaga identity ini. sebelum ini tidak ada sebab kealpaan tapi kesedaran tu timbul kembali tahun 1980 an akan wujudnya komuniti yang dikatakan sebagai Jawi Peranakan.

(KJP-R1)

Bagi saya penglibatan komuniti Jawi Peranakan untuk memulihara budaya perkahwinan ni mungkin dalam kalangan Jawi Peranakan generasi baharu seperti generasi pertama dan kedua sahaja. Generasi lama ni dah mengamalkan banyak budaya Melayu sepenuhnya dah. Kemudian, untuk melihat tahap penglibatan Jawi Peranakan ni agak sukar. Sebab tidak semua mengaku dia tu Jawi Peranakan. Yang tidak mengaku ni ramai. Kat situ kita boleh tahu dah tahap mana penglibatan tu.

(KJP-R2)

Pada pendapat saya golongan jawi peranakan yang memulihara budaya ini mungkin generasi baharu sahaja. Saya pun tak tau kalau ada generasi lama yang masih ingin menjaga dan mengamalkan semula budaya yang dibawa daripada India.

(KJP-R3)

Berdasarkan jawapan yang diperoleh, pengkaji mendapati bahawa ketiga-tiga responden tidak menyatakan tentang penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam usaha memulihara budaya perkahwinan mereka. Responden menyatakan penglibatan komuniti sukar untuk dikenalpasti. Hal ini dikatakan demikian kerana bilangan komuniti Jawi Peranakan yang menganggap dirinya sebagai Jawi Peranakan masih berada pada tahap yang rendah. Ketiga-tiga responden juga menyatakan bahawa hanya generasi baharu yang masih memulihara dan mengamalkan budaya perkahwinan yang dibawa daripada India. Hal ini disokong oleh data soal selidik yang dijalankan ke atas responden Jawi Peranakan. Penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam aktiviti pemuliharaan budaya perkahwinan dilihat berada pada tahap yang sederhana. Hal ini kerana mereka hanya mempunyai

pengetahuan tentang aktiviti yang dijalankan oleh pihak atasan, namun tidak melibatkan diri dalam aktiviti tersebut.

4.6 ANALISIS DAPATAN SOAL SELIDIK

Analisis dapatan kajian soal selidik ini menggunakan analisis dekriptif yang akan dibuat melalui kekerapan dan peratusan skor yang dilaporkan. Analisis ini merangkumi demografi, jantina, bangsa, pengetahuan tentang sejarah komuniti Jawi Peranakan, pengetahuan tentang faktor perubahan budaya perkahwinan dan tahap penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam memulihara budaya perkahwinan mereka.

4.6.1 Demografi Responden

Pada bahagian ini, pengkaji telah memilih 103 orang responden daripada kalangan komuniti Jawi Peranakan untuk dijadikan sebagai sampel kajian bagi mengenalpasti penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam pemuliharaan budaya perkahwinan di George Town, Pulau Pinang. Bahagian A akan menghuraikan tentang latar belakang responden dalam aspek umur, bangsa dan Jantina yang dipersembahkan dalam bentuk jadual di bawah:

Jadual 4.4: Demografi responden

Kategori		N	Peratus (%)
Umur	20 tahun-30 tahun	73	70.2
	31 tahun-40 tahun	25	24
	41 tahun-50 tahun	5	4.8
	60 tahun ke atas	1	1
Jantina	Lelaki	48	47.1
	Perempuan	54	52.9
Bangsa	Melayu	103	100
	India	0	0
	Cina	0	0
	Lain-lain	0	0

(N=Kekerapan, %= Peratus)

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Berdasarkan jadual 4.4, analisis kajian pada bahagian A iaitu demografi responden mendapati responden berumur 20 tahun sehingga 30 tahun adalah seramai 73 orang (70.2%). Bagi responden yang berumur 31 tahun sehingga 40 tahun pula seramai 25 orang (24%) dan yang berumur 41 tahun sehingga 50 tahun pula adalah seramai 5 orang (4.8%). Responden yang berumur 60 tahun ke atas hanya 1 orang (1%). Hasil dapatan kajian terhadap jantina responden pula menunjukkan seramai 48 orang responden (47.1%) terdiri daripada responden lelaki manakala responden wanita adalah sebanyak 54 orang (52.9%). Hanya 1 jenis bangsa sahaja yang dikenalpasti dalam kalangan responden. Majoriti responden ini ialah berbangsa Melayu iaitu seramai 103 orang (100%).

4.6.2 Pengetahuan tentang sejarah pembentukan Jawi Peranakan di Pulau Pinang

Pengetahuan tentang sejarah pembentukan Jawi Peranakan diperoleh melalui analisis soalan soal selidik pada bahagian B yang dipersembahkan dalam jadual 4.5. Pada bahagian ini, pengkaji akan menghuraikan pengetahuan responden mengenai asal usul dan sejarah kemunculan komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang.

Hasil dapatan mengenai Item 1 iaitu *Perkahwinan campur antara India Muslim dan wanita Melayu telah membentuk komuniti Jawi Peranakan* menunjukkan responden yang memilih jawapan ya adalah seramai 95 orang (92.2%) manakala responden yang memilih jawapan tidak adalah seramai 9 orang (8.7%). Ini menunjukkan majoriti responden memilih jawapan ya. Bagi item 2 iaitu *dasar buka pintu pada zaman pemerintahan British iaitu pada tahun 1786 menggalakkan lagi pembentukan Jawi Peranakan di Pulau Pinang*

menunjukkan seramai 92 orang responden (89.3%) yang memilih jawapan ya dan responden yang memilih jawapan tidak hanya seramai 11 orang responden (10.7%). Majoriti responden menyokong kedua-dua pernyataan tersebut kerana kemunculan Jawi Peranakan bermula selepas perkahwinan campur antara pedagang India Muslim dengan wanita Melayu dan perkembangan Jawi Peranakan adalah disebabkan dasar buka pintu yang diwujudkan oleh British. Menurut Omar Yusoff & Noriah Mohamed (2010), perkahwinan campur diantara lelaki India Muslim yang berasal daripada India dengan wanita Melayu telah mewujudkan komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang. Tambahan pula, dasar buka pintu yang diwujudkan oleh pihak British telah mempercepatkan lagi perkembangan komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang.

Selain itu, seramai 85 orang responden (82.5%) menyokong pernyataan yang diwakili oleh item 3 iaitu *komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang mula terbentuk sekitar tahun 1700* manakala responden yang memilih jawapan tidak hanya 18 orang (17.5%) sahaja. Hasil dapatan analisis, majoriti responden yang menjawab soal selidik ini mempunyai pengetahuan tentang kewujudan Jawi Peranakan di Pulau Pinang. Ia dibuktikan dengan hasil kajian Omar Yusoff (2005) yang menyatakan bahawa Jawi Peranakan mula wujud di Pulau Pinang sekitar tahun 1700 disebabkan perkahwinan campur diantara wanita Melayu dengan lelaki India Muslim yang berasal daripada India.

Seterusnya, bagi kenyataan item 4 iaitu *Jawi Peranakan dan orang Melayu adalah masyarakat pertama yang menerokai Pulau Pinang* menunjukkan seramai 85 orang responden (82.5%) memilih jawapan ya. Responden yang menolak kenyataan tersebut hanya seramai 19 orang (18.4%) sahaja. Berdasarkan item 5 iaitu *Jawi Peranakan banyak memberi sumbangan dalam pembentukan masyarakat di Pulau Pinang* menunjukkan

seramai 91 orang responden (88.3%) memilih jawapan ya dan 12 orang (11.7%) memilih jawapan tidak. Hal ini membuktikan komuniti Jawi Peranakan menyumbang kepada pembentukan golongan Melayu baru bersama-sama dengan subbudaya yang dibawa dari India.

Berdasarkan item ke 6 iaitu *pembukaan pelabuhan Pulau Pinang telah menarik ramai Jawi Peranakan dari kedah ke Pulau Pinang* menunjukkan 85 orang responden (82.5%) memilih jawapan ya manakala 19 orang responden (18.4%) memilih jawapan tidak. Kenyataan item 7 iaitu *kapitan keling mempunyai kaitan dengan pembentukan Jawi Peranakan di Pulau Pinang* dipersetujui oleh 88 orang responden (85.4%) dan 15 orang responden (14.6%) menolak kenyataan tersebut. Hal ini menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa kapitan keling merupakan pengasas atau orang pertama yang membentuk komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang.

Manakala, bagi kenyataan item 8 iaitu *komuniti Jawi Peranakan mempunyai keunikan yang tersendiri dari segi budaya perkahwinan, pertuturan dan gaya hidup* disokong oleh 87 orang responden (84.5%). Hanya 17 orang responden (16.5%) yang tidak menyokong kenyataan ini.

Responden yang memilih jawapan ya pada Item 9 iaitu *sesetengah komuniti Jawi Peranakan mempunyai nama keluarga mereka yang tersendiri* adalah seramai 86 orang (83.5%) dan yang memilih jawapan tidak adalah seramai 19 orang (18.4%). Pernyataan terakhir item 10 iaitu *pembentukan komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang berlaku secara berperingkat-peringkat* mempunyai 87 orang responden (84.5%) yang memilih jawapan ya manakala yang menolak adalah seramai 18 orang (15.5%).

Jadual 4.5: Pengetahuan tentang sejarah pembentukan Jawi Peranakan di Pulau Pinang

Item	YA		TIDAK	
	N	%	N	%
1.Perkahwinan campur antara India Muslim dan wanita Melayu telah membentuk komuniti Jawi Peranakan	95	92.2	9	8.7
2.Dasar buka pintu pada zaman pemerintahan British iaitu pada tahun 1786 menggalakkan lagi pembentukan Jawi Peranakan di Pulau Pinang	92	89.3	11	10.7
3.Komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang mula terbentuk sekitar tahun 1700	85	82.5	18	17.5
4.Komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang mula terbentuk sekitar tahun 1700	85	82.5	19	18.4
5.Jawi Peranakan banyak memberi sumbangan dalam pembentukan masyarakat di Pulau Pinang	91	88.3	12	11.7
6.Pembukaan pelabuhan Pulau Pinang telah menarik ramai Jawi Peranakan dari kedah ke Pulau Pinang	85	82.5	19	18.4
7.Kapitan keling mempunyai kaitan dengan pembentukan Jawi Peranakan di Pulau Pinang	88	85.4	15	14.6
8. Komuniti Jawi Peranakan mempunyai keunikan yang tersendiri dari segi budaya perkahwinan, pertuturan dan gaya hidup	87	84.5	17	16.5
9.Sesetengah komuniti Jawi Peranakan mempunyai nama keluarga mereka yang tersendiri	86	83.5	19	18.4
10.Pembentukan komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang berlaku secara berperingkat-peringkat.	87	84.5	16	15.5

(N=Kekerapan, %=Peratus)

Sumber: Kajian Lapangan 2021

Kesimpulannya, Berdasarkan keseluruhan data yang diperoleh, majoriti responden iaitu komuniti Jawi Peranakan mempunyai pengetahuan tentang sejarah pembentukan keturunan mereka di Pulau Pinang terutamanya di kawasan George Town. Walau bagaimanapun, masih ada segelintir komuniti Jawi Peranakan yang tidak mengetahui tentang sejarah mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, bilangan responden yang memilih jawapan ya tidak kurang berbanding responden yang memilih jawapan ya.

4.6.3 Faktor perubahan budaya perkahwinan Jawi Peranakan

Analisis data tentang faktor perubahan budaya perkahwinan Jawi Peranakan diambil daripada soalan soal selidik bahagian C. Pengkaji menggunakan skala likert untuk melihat tahap pengetahuan responden terhadap faktor yang menyebabkan budaya perkahwinan semakin berubah. Data yang diperoleh daripada soal selidik dipersembahkan dalam jadual 5.3.

Hasil data daripada item 1 iaitu *generasi muda Jawi Peranakan hari ini telah mengamalkan budaya Melayu sepenuhnya* menunjukkan seramai 35 orang responden (34%) yang memilih sangat bersetuju. Bagi responden yang memilih setuju adalah seramai 34 orang (33%) dan kurang setuju adalah seramai 29 orang (28.2%). Manakala, yang memilih sangat tidak setuju hanya 4 orang responden (3.9%) sangat tidak setuju sebanyak 1 orang responden (1%) sahaja. Berdasarkan data ini, faktor ini memberi kesan terhadap perubahan yang berlaku dalam budaya perkahwinan Jawi Peranakan. Hal ini dikatakan demikian kerana generasi muda hari ini lebih suka mengamalkan dan menggunakan budaya perkahwinan orang Melayu seterusnya meninggalkan budaya sebenar mereka. Penglibatan generasi muda untuk mengamalkan budaya Jawi Peranakan amat penting dalam proses pemuliharaan budaya.

Pernyataan bagi item 2 ialah *budaya dan adat resam perkahwinan Jawi Peranakan mempunyai pengaruh agama Hindu* menunjukkan seramai 36 orang responden (35%) yang memilih sangat setuju dan responden yang memilih setuju adalah sebanyak 3 orang (36.9%). Bagi pilihan jawapan kurang setuju adalah seramai 22 orang (21.4%) dan tidak

setuju adalah sebanyak 6 orang (5.8%). Responden yang menjawab sangat tidak setuju hanya 1 orang (1%) sahaja.

Selain itu, seramai 34 orang responden (33%) yang memilih sangat setuju bagi item ketiga iaitu *sesetengah komuniti masih lagi memelihara dan mengikuti adat dan budaya perkahwinan sebenar mereka* dan responden yang memilih setuju adalah sebanyak 44 orang (42%.7). Seramai 20 orang responden (19.4%) memilih kurang setuju dan 5 orang responden (4.9%) yang memilih tidak setuju. 0 (0%) responden yang memilih sangat tidak setuju. Berdasarkan pernyataan ini, majoriti responden bersetuju bahawa sebahagian daripada komuniti Jawi Peranakan masih lagi mengamalkan budaya perkahwinan sebenar walaupun ramai Jawi Peranakan yang lain telah meninggalkan dan berasimilasi dengan budaya Melayu.

Item 4 iaitu *ramai golongan Jawi Peranakan pada hari ini telah menjadi Melayu dan meninggalkan identiti mereka* menunjukkan 28 orang responden (27.2%) memilih sangat setuju dan responden yang memilih setuju seramai 42 orang (40.8%). Bilangan responden yang kurang setuju pula berjumlah 26 orang (25.2%) dan 6 orang responden (5.8%) memilih tidak setuju. 1 orang responden (1%) memilih sangat tidak setuju terhadap pernyataan ini.

Seterusnya, bilangan responden yang memilih sangat setuju bagi item 5 iaitu *penghijrahan komuniti Jawi Peranakan ke negeri lain menjadi faktor budaya perkahwinan mereka semakin berubah* adalah seramai 30 orang (29.1%) manakala responden yang memilih setuju seramai 42 orang (40.8%). Responden yang memilih kurang setuju pula

seramai 26 orang (25.2%) dan tidak setuju seramai 5 orang (4.9%). 0 responden (0%) yang memilih sangat tidak setuju.

Item 6 iaitu *peredaran zaman telah menyebabkan budaya dan adat resam perkahwinan Jawi Peranakan semakin berubah* sangat setuju seramai 32 orang (31.1%) dan responden yang memilih setuju seramai 42 orang (40.8%). 22 orang (21.4%) kurang setuju, tidak setuju 7 orang (6.8%). Sangat tidak setuju 0 (0%).

Generasi hari ini kurang mengambil tahu dan tidak lagi mengamalkan budaya perkahwinan mereka. sangat setuju 24 orang (23.3%) dan setuju seramai 49 orang (47.6%). Kurang setuju 23 orang (22.3%). Tidak setuju 6 (5.8%). Sangat tidak setuju seramai 1 orang responden (1%).

Bilangan responden yang sangat setuju dengan item 8 iaitu *Perkahwinan campur antara Jawi peranakan dengan kaum lain menyebabkan budaya perkahwinan mereka berubah* adalah sebanyak 30 orang (29.1%) dan responden yang setuju seramai 43 orang (41.7%). Responden yang kurang setuju seramai 24 orang (23.3%) dan tidak setuju hanya 6 orang (5.8%). Tiada responden yang memilih sangat tidak setuju pada pernyataan ini.

Seterusnya, pada item ke 9 *budaya perkahwinan Jawi Peranakan bertentangan dengan ajaran agama Islam* adalah bilangan responden yang memilih sangat setuju 16 orang (15.5%) dan setuju seramai 34 orang (33%). Majoriti reponden memilih kurang setuju iaitu seramai 38 orang (36.9%). Responden yang tidak setuju pula seramai 11 orang (10.7%) dan sangat tidak setuju seramai 4 orang (3.9%).

Jadual 4.6: Faktor perubahan budaya perkahwinan

Item	1		2		3		4		5	
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
1. Generasi muda Jawi Peranakan hari ini telah mengamalkan budaya Melayu sepenuhnya	1	1	4	3.9	29	28.2	4	3.9	1	1
2. Budaya dan adat resam perkahwinan Jawi Peranakan mempunyai pengaruh agama Hindu	1	1	6	5.8	22	21.4	38	36	36	35
3. Sesetengah komuniti masih lagi memelihara dan mengikuti adat dan budaya perkahwinan sebenar mereka	0	0	5	4.9	20	19.4	44	42.7	34	33
4. Ramai golongan Jawi Peranakan pada hari ini telah menjadi Melayu dan meninggalkan identiti mereka	1	1	6	5.8	26	25.2	42	40.8	28	27.2
5. Penghijrahan Komuniti Jawi Peranakan ke negeri lain menjadi faktor budaya perkahwinan mereka semakin berubah	0	0	5	4.9	26	25.2	42	40.8	30	29.1
6. Peredaran zaman telah menyebabkan budaya dan adat resam perkahwinan Jawi Peranakan semakin berubah	0	0	7	6.8	22	21.4	42	40.8	32	31.1
7. Generasi hari ini kurang mengambil	1	1	6	5.8	23	22.3	49	47.6	24	23.3

tahu dan tidak lagi mengamalkan budaya perkahwinan mereka.										
8. Perkahwinan campur antara Jawi peranakan dengan kaum lain menyebabkan budaya perkahwinan mereka berubah	0	0	6	5.8	24	23.3	43	41.7	30	29.1
9. Budaya perkahwinan Jawi Peranakan bertentangan dengan ajaran agama Islam	4	3.9	11	10.7	38	36.9	34	33	16	15.5

(N=Kekerapan, peratus=%)

Sumber: Kajian Lapangan

Secara kesimpulannya, kebanyakan responden memilih setuju dan kurang setuju pada soalan bahagian C ini kerana faktor perubahan budaya perkahwinan disebabkan oleh perubahan zaman, generasi muda tidak mengamalkan amalan perkawinan mereka dan budaya perkahwinan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam. Hal ini dibuktikan dengan kepercayaan mereka terhadap perkara yang karut seperti anak perempuan mereka mempunyai sial jika tidak bertemu jodoh dan ibu bapa akan berjumpa dengan bomoh.

4.6.4 Tahap penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam Pemuliharaan budaya perkahwinan.

Data pada bahagian D ini dianalisis berdasarkan Model *Ladder of Citizen Participant* (Arnstein, 1969). Model ini digunakan untuk melihat tahap penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam memulihara budaya perkahwinan mereka. Model Arnstein mempunyai 8

tahap iaitu *manipulation, therapy, informing, consultation, placation, partnership, delegation dan citizen control*.

Item 1 yang mewakili tahap *manipulation* iaitu *komuniti Jawi Peranakan melibatkan diri dalam aktiviti kebudayaan yang dianjurkan oleh kerajaan negeri bagi pemuliharaan budaya perkahwinan* mempunyai 23 orang responden (22.3%) yang memilih sangat setuju dan setuju sebanyak 33 (32%). Majoriti memilih kurang setuju sebanyak 36 orang responden (35%). Responden yang tidak setuju seramai 9 orang (8.7%) dan sangat tidak setuju sebanyak 2 orang (1.9%).

Selain itu, item 2 yang mewakili *therapy* iaitu *komuniti Jawi Peranakan perlu menyertai simposium 'The Making of a Nation' yang dianjurkan oleh Pertubuhan Warisan Jawi Peranakan* mempunyai 27 orang responden (26.2%) yang sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Manakala, seramai 30 orang responden (29.1%) setuju dan kurang setuju seramai 36 orang (35%). Responden yang tidak setuju pula seramai 8 orang (7.8%)

Seterusnya, item 3 mewakili *informing* iaitu *Komuniti Jawi Peranakan mengetahui usaha pihak kerajaan untuk merakam kembali perubahan yang berlaku terhadap budaya perkahwinan* memperoleh responden sebanyak 19 orang (18.4%) dan majoriti responden bersetuju dengan kenyataan ini. Bilangan responden yang bersetuju adalah seramai 39 orang (37.9%) dan kurang setuju seramai 34 orang (33%). Responden yang tidak setuju pula seramai 11 orang (10.7%) dan 0 responden (0%) sangat tidak setuju.

Kenyataan bagi *consultation* pada item 4 iaitu *pihak kerajaan berunding dengan wakil Jawi Peranakan untuk menjemput seorang pakar warisan budaya dalam forum rancangan pemuliharaan budaya* mempunyai reponden sebanyak 24 orang (23.3%) yang

memilih sangat setuju. Responden yang memilih setuju adalah seramai 32 orang (31.1%) dan kurang setuju seramai 38 (36.9%). Sebanyak 7 orang responden (6.8%) tidak setuju dan 2 orang responden (1.9%) yang sangat tidak setuju.

Responden yang sangat setuju dengan kenyataan tahap *placation* pada item 5 iaitu *komuniti Jawi Peranakan memberi pandangan atau cadangan kepada pihak kerajaan untuk mengadakan motivasi tentang menyelusuri sejarah dan warisan budaya Pulau Pinang* seramai 25 orang (24.3%). Manakala, responden yang setuju dan kurang setuju mempunyai bilangan yang sama iaitu sebanyak 34 orang (33%). Seramai 8 orang responden (7.8%) tidak bersetuju dan sangat tidak setuju seramai 2 orang (1.9%).

Pernyataan yang mewakili tahap *partnership* mempunyai bilangan responden yang sangat setuju adalah seramai 24 orang (23.3%) dengan item 6 iaitu *komuniti Jawi Peranakan dan pihak kerajaan bersama-sama menganjurkan program transformasi pemikir budaya agar budaya perkahwinan dapat dikekalkan*. Bilangan responden yang setuju dan kurang setuju hanya berbeza 1 orang sahaja. Responden yang setuju adalah seramai 35 orang (34%) dan kurang setuju seramai 34 orang (33%). Bilangan responden yang memilih tidak setuju seramai 10 orang (9.7%) dan 0 responden (0%) yang memilih sangat tidak setuju.

Pernyataan item 7 yang mewakili *delegation* iaitu *komuniti Jawi Peranakan mengadakan lawatan ke galeri Melayu Pulau Pinang kepada penduduk Pulau Pinang dengan bantuan pihak kerajaan negeri* mempunyai bilangan responden seramai 24 orang (23.3%) yang sangat setuju dan setuju hanya seramai 32 orang (31.1%). Majoriti responden

memilih kurang setuju iaitu sebanyak 38 orang (36.9%). Responden yang memilih tidak setuju sebanyak 1 orang (1%) dan sangat tidak setuju pula hanya 1 orang (1%).

Pernyataan yang mewakili *citizen control* adalah item 8 iaitu *komuniti Jawi Peranakan melibatkan diri dalam Pertubuhan Warisan Jawi Peranakan (JAWI) di Pulau Pinang* mempunyai 25 orang responden (24.3%) yang sangat setuju. Bilangan responden yang setuju dan kurang setuju adalah sama iaitu sebanyak 32 orang (31.1%). Sebanyak 13 orang (12.6%) yang tidak bersetuju dan 1 orang responden (1%) yang sangat tidak bersetuju.

Jadual 4.7: Tahap penglibatan Jawi Peranakan dalam pemuliharaan budaya perkahwinan

Item	1		2		3		4		5	
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
1. Komuniti Jawi Peranakan melibatkan diri dalam aktiviti kebudayaan yang dianjurkan oleh kerajaan negeri bagi pemuliharaan budaya perkahwinan	2	1.9	9	8.7	36	35	33	32	23	22.3
2. Komuniti Jawi Peranakan perlu Menyertai simposium 'The Making of a Nation' yang dianjurkan oleh Pertubuhan Warisan Jawi Peranakan	2	1.9	8	7.8	36	35	30	29.1	27	26.2
3. Komuniti Jawi Peranakan mengetahui usaha pihak kerajaan untuk merakam	0	0	11	10.7	34	33	39	37.9	19	18.4

kembali perubahan yang berlaku terhadap budaya perkahwinan										
4.Pihak kerajaan berunding dengan wakil Jawi Peranakan untuk menjemput seorang pakar warisan budaya dalam forum rancangan pemuliharaan budaya	2	1.9	11	10.7	34	33	32	31.1	24	23.3
5.Komuniti Jawi Peranakan memberi pandangan atau cadangan kepada pihak kerajaan untuk mengadakan motivasi tentang menyelusuri sejarah dan warisan budaya Pulau Pinang	2	1.9	8	7.8	34	33	34	33	25	24.3
6.Komuniti Jawi Peranakan dan pihak kerajaan bersama-sama menganjurkan Program transformasi pemikir budaya agar budaya perkahwinan dapat dikekalkan	0	0	10	9.7	34	33	35	34	24	23.3
7.Komuniti Jawi Peranakan mengadakan lawatan ke galeri Melayu Pulau Pinang kepada penduduk Pulau	2	1.9	7	6.8	38	36.9	32	31.1	24	23.3

Pinang dengan bantuan pihak kerajaan negeri										
8.Komuniti Jawi Peranakan melibatkan diri dalam Pertubuhan Warisan Jawi Peranakan (JAWI) di Pulau Pinang	1	1	13	12.6	32	31.1	32	31.1	25	24.3

(N=Kekerapan, %=Peratus)

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Berdasarkan data yang diperoleh pada bahagian D ini, tahap penglibatan komuniti dalam pemuliharaan masih berada pada tahap yang sederhana. Hal ini dikatakan demikian kerana responden banyak memilih setuju dan kurang setuju pada semua pernyataan di dalam bahagian D ini. Namun masih ada komuniti yang memilih sangat bersetuju untuk melibatkan diri dalam aktiviti pemuliharaan yang dijalankan oleh pihak kerajaan bersama-sama dengan komuniti. Penglibatan komuniti memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk mengekalkan dan memulihara budaya perkahwinan yang kian berubah. Oleh itu, model *Ladder of Citizen Participant* (Arnstein, 1967) digunakan untuk menganalisis tahap penglibatan komuniti Jawi Peranakan.

4.7 KERANGKA MODEL *LADDER OF CITIZEN PARTICIPANT* (ARNSTEIN, 1969)

Berdasarkan analisis data soal selidik melalui model *Ladder of Citizen Participant* (Arnstein, 1967) terdapat 8 pernyataan yang mewakili setiap tingkat model yang digunakan. Pernyataan pertama *manipulation* iaitu *komuniti Jawi Peranakan melibatkan diri dalam aktiviti kebudayaan yang dianjurkan oleh kerajaan negeri bagi pemuliharaan budaya*

perkahwinan menerangkan tentang komuniti tidak mempunyai peluang untuk berkomunikasi secara langsung dengan pihak kerajaan tentang aktiviti yang akan dianjurkan. Pada peringkat ini kebanyakan responden tidak setuju untuk melibatkan diri dalam aktiviti pemuliharaan sekiranya pihak kerajaan tidak berkomunikasi dengan mereka sebelum mengadakan sebarang aktiviti. Hal ini dapat dibuktikan dengan sebanyak 36 orang responden (36%) daripada 103 orang responden memilih tidak bersetuju.

Pernyataan kedua pula mewakili peringkat *therapy* iaitu *komuniti Jawi Peranakan perlu menyertai simposium 'The Making of a Nation' yang dianjurkan oleh Pertubuhan Warisan Jawi Peranakan*. Pada tingkat ini, komuniti diberi peluang untuk berhubung dengan pihak kerajaan namun masih terdapat beberapa perkara yang membataskan mereka untuk berhubung secara langsung. Responden masih tidak dapat menerima pernyataan ini kerana 36 orang (35%) memilih tidak bersetuju jika tiada kerjasama daripada pihak kerajaan untuk berhubung dengan mereka secara langsung. Komuniti masih mempunyai perasaan terpaksa untuk melibatkan diri dalam symposium yang dijalankan.

Selain itu, peringkat *information* iaitu *komuniti Jawi Peranakan mengetahui usaha pihak kerajaan untuk merakam kembali perubahan yang berlaku terhadap budaya perkahwinan* menjelaskan bahawa komuniti mempunyai pengetahuan dan maklumat berkaitan dengan pemuliharaan budaya perkahwinan Jawi Peranakan namun masih tidak dapat bersemuka dengan pihak atasan. Komuniti tidak dapat mengemukakan pendapat mereka tentang aktiviti yang dijalankan. Walau bagaimanapun, komuniti masih dapat menerima pernyataan pada tahap penglibatan. Hal ini dapat dibuktikan sebanyak 39 orang (37.9%) setuju jika mereka tidak dapat menyuarakan pendapat mereka.

Pada peringkat *consultation* iaitu *pihak kerajaan berunding dengan wakil Jawi Peranakan untuk menjemput seorang pakar warisan budaya dalam forum rancangan pemuliharaan budaya* menjelaskan bahawa komuniti diberi peluang untuk menyatakan pendapat dan menyuarakan pandangan namun pandangan mereka mungkin tidak diterima oleh pihak atasan. Responden masih tidak setuju sekiranya pihak atasan tidak menjalankan apa yang disuarakan oleh komuniti. Suara dan pandangan komuniti penting untuk menjayakan aktiviti pemuliharaan budaya perkahwinan Jawi Peranakan. Seramai 34 orang (33%) memilih tidak setuju dengan pernyataan ini.

Seterusnya, tahap penglibatan *placation* iaitu *komuniti Jawi Peranakan memberi pandangan atau cadangan kepada pihak kerajaan untuk mengadakan motivasi tentang menyelusuri sejarah dan warisan budaya Pulau Pinang* menerangkan bahawa pada tahap ini komuniti diberi peluang untuk merancang dan mengadakan program pemuliharaan. Namun ia masih memerlukan kelulusan daripada pihak kerajaan sebelum komuniti mengadakan sesuatu program. Responden kajian yang memilih setuju dan tidak setuju mempunyai bilangan yang sama iaitu 34 orang (33%).

Pada peringkat *partnership* yang diwakili oleh pernyataan *komuniti Jawi Peranakan dan pihak kerajaan bersama-sama menganjurkan program transformasi pemikir budaya agar budaya perkahwinan dapat dikekalkan* menerangkan bahawa pihak atasan memberi kerjasama dengan komuniti untuk menjalankan program pemuliharaan budaya perkahwinan. Bilangan responden yang setuju jika pihak kerajaan dan komuniti bersama-sama mengadakan program adalah seramai 35 orang (34%). Kerjasama di antara kedua-dua pihak akan memudahkan pelaksanaan sesuatu program.

Manakala pada peringkat *delegation power* yang diwakili dengan pernyataan komuniti Jawi Peranakan mengadakan lawatan ke galeri Melayu Pulau Pinang kepada penduduk Pulau Pinang dengan bantuan pihak kerajaan negeri menerangkan tentang komuniti diberi kuasa sepenuhnya untuk menguruskan program pemuliharaan budaya perkahwinan Jawi Peranakan. Komuniti bertanggungjawab untuk menguruskan semua program yang dijalankan tanpa bantuan daripada pihak atasan. Majoriti responden tidak setuju kerana untuk menjalankan sesebuah program memerlukan bantuan dan tunjuk ajar daripada pihak yang lebih arif. Bilangan responden yang tidak setuju adalah seramai 38 orang (36.9%).

Akhir sekali adalah peringkat *citizen control*. Pernyataan yang mewakili peringkat ini adalah komuniti Jawi Peranakan melibatkan diri dalam Pertubuhan Warisan Jawi Peranakan (JAWI) di Pulau Pinang yang menerangkan bahawa komuniti mengambil inisiatif sendiri untuk memulihara budaya mereka tanpa paksaan daripada pihak atasan. Responden yang memilih setuju dan tidak setuju mempunyai bilangan yang sama iaitu sebanyak 32 orang (31.1%).

Secara keseluruhannya, model yang digunakan ini berjaya menunjukkan tahap penglibatan komuniti dalam pemuliharaan budaya perkahwinan Jawi Peranakan. Komuniti yang paling banyak melibatkan diri dalam aktiviti pemuliharaan budaya perkahwinan Jawi peranakan dapat dilihat pada peringkat *information* dimana pihak komuniti mempunyai pengetahuan tentang aktiviti yang akan dijalankan namun tidak dapat menyuarakan pendapat mereka. Hal ini dibuktikan dengan seramai 39 orang (37.9%) memilih sangat bersetuju.

Rajah 4.1: Kerangka model *A Ladder of Citizen Participant* (Arnstein, 1969)



4.8 KESIMPULAN

Berdasarkan keseluruhan analisis, seramai 103 orang responden yang dipilih dalam kalangan komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang untuk mengkaji penglibatan mereka dalam pemuliharaan budaya perkahwinan. Hasil dapatan kajian melalui temu bual dan soal selidik yang telah dianalisis menunjukkan kebanyakan responden mempunyai pengetahuan tentang kaum mereka terutamanya dari segi sejarah dan budaya perkahwinan.

Pengetahuan responden tentang perubahan budaya perkahwinan kaum mereka masih berada pada tahap yang agak rendah. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan generasi yang ada pada hari ini telah menjangkau 10 generasi. Seperti yang dijelaskan dalam perbincangan pada bahagian ini, komuniti ini telah lama wujud di tanah Melayu terutamanya di Pulau Pinang dan budaya mereka telah berasimilasi dengan budaya Melayu. Mereka tidak lagi mengamalkan budaya perkahwinan yang dibawa daripada India.

Seterusnya, banyak faktor-faktor lain yang menyebabkan budaya perkahwinan Jawi Peranakan semakin berubah hari ini. Antaranya adalah peredaran zaman dan perkembangan agama Islam pada hari ini. Kebanyakan budaya Jawi Peranakan mempunyai pengaruh daripada India yang bertentangan dengan ajaran agama Islam pada hari ini. Oleh itu, penglibatan komuniti dalam pemuliharaan budaya perkahwinan dari aspek lain amat penting agar budaya dan kewujudan komuniti Jawi Peranakan dapat dikekalkan untuk generasi akan datang. Pendokumentasian tentang budaya komuniti Jawi Peranakan juga dapat memelihara budaya sebenar agar tidak dilupakan.

Oleh itu, analisis kajian menggunakan model *Ladder of Citizen Participant* (Arnstein, 1967) berjaya menunjukkan penglibatan komuniti peranakan dalam pemuliharaan budaya

perkahwinan Jawi Peranakan berada pada tahap tertentu. Kebanyakan responden adalah dalam kalangan generasi muda namun penglibatan mereka dilihat masih berada pada tingkat sederhana. Komuniti ini memerlukan sokongan pihak kerajaan untuk menjayakan aktiviti memulihara budaya perkahwinan ini.

BAB V

RUMUSAN DAN PENUTUP

5.1 RUMUSAN

Kesuluruhan kajian yang telah dianalisis dapat dirumuskan melalui hasil kajian yang diperoleh mengikut objektif kajian yang dinyatakan pada bab 1 iaitu pendahuluan. Jawi Peranakan merupakan kaum yang mempunyai keunikan yang tersendiri terutamanya dari segi budayanya. Namun, pada hari ini budaya Jawi Peranakan terutamanya dari adat perkahwinan semakin berubah dan dilupakan oleh generasi muda komuniti Jawi Peranakan. Hal ini disebabkan oleh faktor peredaran zaman. Bab 1 kajian ini membincangkan tentang pengenalan yang berfokus kepada permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, sorotan kajian, kepentingan kajian, definisi operational dan organisasi penulisan. Pada bab ini juga menerangkan tentang budaya perkahwinan komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang yang kian berubah sejajar dengan peredaran zaman. Bab 1 menekankan kepada definisi Jawi Peranakan yang wujud disebabkan perkahwinan campur di antara wanita Melayu dan India Muslim yang berasal daripada India. Kewujudan golongan India Muslim di Tanah Melayu terutamanya di Pulau Pinang adalah disebabkan oleh faktor perdagangan dan penjajahan British. British menggalakkan penghijrahan India Muslim daripada India untuk mencari pekerjaan di Tanah Melayu. Hal ini menyebabkan perkahwinan campur di antara wanita Melayu dan India Muslim di Pulau Pinang.

Seterusnya pada bab 2 iaitu sorotan kajian dan teori pula menjelaskan dengan lebih terperinci tentang komuniti Jawi Peranakan dan disokong oleh kajian-kajian lepas. Kajian-kajian lepas yang dipilih mempunyai kaitan dengan Jawi Peranakan dari segi budaya

perkahwinan, sejarah Jawi Peranakan dan sebagainya. Pada bab ini juga, kerangka konsep dibina bagi menentukan hala tuju kajian ini menggunakan model *Ladder of Citizen Participant* (Arnstein, 1967). Model ini digunakan untuk melihat tahap penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam pemuliharaan budaya perkahwinan di George Town, Pulau Pinang. Teori ini mempunyai 8 peringkat dan terbahagi kepada 3 bahagian. Bahagian pertama adalah *Non participant* yang merangkumi *manipulation* dan *therapy* manakala bahagian kedua adalah *Tokenisme* yang melibatkan *informing*, *consultation* dan *placation*. Bahagian terakhir adalah *Citizen Control* yang terdiri daripada *partnership*, *delegation* dan *citizen control*. Matlamat penghasilan kerangka konsep adalah untuk menentukan batasan dalam sesuatu kajian dan memberi penjelasan tentang kajian yang dijalankan. Penglibatan komuniti dapat dijadikan alat untuk memelihara keunikan budaya yang ada dalam komuniti Jawi Peranakan. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap komuniti mempunyai warisan budaya yang diturunkan kepada mereka untuk dipelihara agar tidak dilupakan.

Pada bab 3 iaitu metodologi kajian menerangkan tentang kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data kajian ini. Pengkaji menggunakan pensampelan bukan kebangkalian *snow ball* untuk mendapatkan responden. Pensampelan *snow ball* dimulakan dengan seorang responden Jawi Peranakan dan responden awal tersebut memperkenalkan responden kedua, ketiga dan seterusnya kepada pengkaji. Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data adalah melalui temu bual dan soal selidik. Bilangan responden yang dipilih bagi temu bual adalah seramai 3 orang kaedah temu bual dijalankan melalui talian telefon kerana pandemik covid 19 membataskan pengkaji untuk menemu bual responden secara bersemuka. Data daripada hasil temu bual dianalisis menggunakan analisis tematik. Responden soal selidik adalah seramai 140 orang. Saiz sampel responden adalah seramai 103 orang yang diambil

berdasarkan jadual saiz sample Krejcie & Morgan (1970). Soal selidik dihasilkan dalam bentuk *Google Form* dan diedarkan melalui platform elektronik seperti *Whatsapp*, *Facebook* dan *Instagram*. Borang soal selidik dibahagikan kepada bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Data daripada soal selidik ini kemudiannya dianalisis menggunakan analisis diskriptif. Bagi memastikan data yang diperoleh menjawab persoalan dan objektif kajian, pengkaji perlu menganalisis maklumat dengan teliti.

Analisis dan perbincangan pada bab 4 menghuraikan tentang data yang diperoleh melalui temu bual dan soal selidik. Pada bab ini, pengkaji mempersembahkan data dan menghuraikan data secara lebih terperinci dan jelas. Huraian data pada bahagian ini disokong dengan sumber sekunder bagi mengukuhkan lagi maklumat yang diperoleh melalui temu bual dan soal selidik. Responden temu bual dilabelkan dengan kod bagi memudahkan pengkaji untuk menganalisis dan menghuraikan data. Analisis bagi temu bual menunjukkan bahawa ketiga-tiga responden yang dipilih mempunyai pengetahuan yang luas tentang Jawi Peranakan. Hal ini dikatakan demikian kerana maklumat yang disampaikan mempunyai persamaan antara satu sama lain. Berdasarkan analisis soal selidik, pengetahuan responden terhadap sejarah pembentukan komuniti Jawi Peranakan adalah daripada hasil perkahwinan antara India Muslim dan wanita Melayu. Hal ini dibuktikan dengan seramai 95 orang responden (92.2%) memilih Ya. Responden bersetuju bahawa faktor perubahan budaya perkahwinan Jawi Peranakan disebabkan oleh pengaruh agama Hindu. Hal ini dibuktikan dengan bilangan responden seramai 36 orang (36%) yang memilih sangat setuju. Data soal selidik bahagian D menggunakan model *Ladder of Citizen Participant* (Arnstein, 1969), menunjukkan penglibatan komuniti berada pada tahap *informing*. Hal ini kerana sebanyak 39 orang responden (37.9%) bersetuju jika mereka tidak diberi peluang untuk berkomunikasi

secara langsung dengan pihak berwajib selepas pihak berwajib memaklumkan kepada komuniti tentang hak dan tanggungjawab mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti pemuliharaan yang akan dijalankan.

5.2 PENUTUP

Kesimpulannya, berdasarkan hasil carian pengkaji tentang tajuk penglibatan komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang masih tiada kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk yang ingin dikaji. Masalah yang dihadapi oleh komuniti Jawi peranakan dalam memulihara budaya mereka adalah kurangnya kesedaran tentang kepentingan adat dan budaya komuniti mereka pada masa akan datang. Hal ini mungkin disebabkan oleh budaya mereka yang mempunyai persamaan dengan budaya masyarakat Melayu Pulau Pinang.

Kajian ini akan dijalankan kepada komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang bermula daripada umur 18 tahun sehingga 60 tahun. Hal ini kerana golongan ini mempunyai pengetahuan tentang sejarah dan budaya Jawi Peranakan. Pengkaji telah menyatakan tentang latar belakang Jawi Peranakan secara kasar pada halaman pengenalan. Seterusnya isu-isu yang wujud dalam komuniti telah dinyatakan dan diterangkan oleh pengkaji. Objektif yang dihasilkan adalah berdasarkan rasa ingin tahu dan pengetahuan pengkaji tentang Jawi Peranakan. Selain itu, objektif juga dihasilkan dengan melihat isu semasa yang berlaku dalam komuniti ini.

Pengkaji juga telah menjelaskan serba sedikit tentang kaedah yang akan digunakan semasa mengumpul maklumat dan semasa menganalisis maklumat yang diperolehi. Kaedah yang dipilih adalah mudah untuk digunakan oleh pengkaji. Untuk memudahkan pengkaji mencapai objektif kajian ini, pengkaji membuat kaedah ini dengan mengikut turutan.

Hasil dapatan kajian melalui temu bual dan soal selidik menunjukkan bahawa komuniti Jawi Peranakan mempunyai pengetahuan tentang sejarah kewujudan Jawi Peranakan di Pulau Pinang dan perubahan budaya perkahwinan mereka. Namun tiada inisiatif yang diambil oleh mereka untuk memulihara semula budaya perkahwinan mereka. Tahap penglibatan Jawi Peranakan dilihat menggunakan model *Ladder of Citizen Participant* (Arnstein, 1967) menunjukkan pemuliharaan budaya perkahwinan masih berada pada tahap yang sederhana. Melalui kajian ini, diharap ia dapat mengekalkan dan memulihara budaya komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang.

RUJUKAN

- Aisah Hosin, et al. (2012). *Adat Kelahiran Komuniti Jawa: Tinjauan Di Kg. Jawa Dua, Sandakan Sabah*. Universiti Malaysia Sabah. Diambil daripada https://www.academia.edu/6769428/Adat_kelahiran_komuniti_Jawa
- Azmi Iskandar Merican (2010). *Keluarga Merican: Keturunan Melayu Berdarah Campuran*. In Omar Yusof & Jamaluddin Aziz (Eds.). *Jawi Peranakan di Pulau Pinang Ekspresi Sebuah Identiti*. (1st ed., pp. 28-53). Universiti Sains Malaysia
- Azarudin Awang & Khadijah Khambali (2016). *Perkaitan Akulturasi Budaya dan Hubungan antara Agama: Kajian Terhadap Komuniti Cina Pra Konversi di Negeri Terengganu*. *Jurnal Hadhari*, 8 (1). pp. 85-102. ISSN 1985-6830. Diambil daripada <http://ejournals.ukm.my/jhadhari/issue/view/803>
- Azhar Abdul Gani, Kalsom Kayat & Siti Aznor Ahmad (2013). *Memahami Penglibatan Komuniti dalam Pembangunan Pelancongan Lestari*. *Aceh Development International Conference*, Universiti Malaya. Diambil daripada https://www.researchgate.net/publication/292305270_MEMAHAMI_PENGLIBATAN_KOMUNITI_DALAM_PEMBANGUNAN_PELANCONGAN_LESTARI
- Abd Nasir & Abdul Qayyum (2016). *Analisis Jenis Bahasa Masyarakat India Muslim di Malaysia*. *Jurnal Peradaban*, 9, 32-50. Diambil daripada <https://www.coursehero.com/file/68256338/4588-937-10840-1-10-20170724pdf/>
- Che Wan Jasimah (2009). *Budaya pemakanan masyarakat Malaysia dari perspektif agama, polisi, sains dan teknologi dengan rujukan khusus kepada pengaruh Islam dalam penghasilan makanan*. PhD thesis, University of Malaya. Diambil daripada <http://studentsrepo.um.edu.my/4342/>
- Faridatul Akma Abdul Latif (2004). *Pengekalan dan Pemuliharaan Landskap Budaya: Identiti Kampung Pulau Duyong, Kuala Terengganu*. Tesis Master, Universiti Putra Malaysia. diambil daripada <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/378/>
- Heriyanto (2018). *Thematic Analysis sebagai Metode Menganalisa Data untuk Penelitian Kualitatif*. *ANUVA Volume 2 (3)*. pp. 317-324. Diambil daripada <https://ejournal.undip.ac.id/index.php/anuva>
- Ismail, A., & Daud, M.N. (2013). *Adat Perkahwinan Masyarakat Jawi Peranakan India Islam di Pulau Pinang, Malaysia: Dari Perspektif Islam*. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 5 (2), 121-131. Diambil daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1641>

- John Gaber (2019). *Building 'A Ladder of Citizen Participation'*, *Journal of the American Planning Association*, 85 (3), 188-201. ISSN 1939-0130. Diambil daripada <https://doi.org/10.1080/01944363.2019.1612267>
- Jurry Foo (2019). *Pemuliharaan Warisan Kebudayaan Melalui Sistem Tagal Sungai di Sabah*. Borneo Dalam Kepelbagaian Perspektif. Universti Malaysia Sabah. Diambil daripada https://www.researchgate.net/publication/334720986_PEMULIHARAAN_WARISAN_KEBUDAYAAN_MELALUI_SISTEM_TAGAL_SUNGAI_DI_SABAH
- Kalsom Kayat & Nor Ashikin Mohd Nor (2006). *Penglibatan Ahli Komunitindalam Program Pembangunan Komuniti: Satu Kajian ke Atas Program Homestay di Kedah*. *AKADEMIKA*. 67 (1). 77-102. Diambil daripada <http://journalarticle.ukm.my/4283/1/akademika65%5B02%5D.pdf>
- Mohd Irman Mohd Abdul Nasir & Abdul Qayyum Abdul Razak (2016). *Analisis Jenis Bahasa Masyarakat India Muslim di Malaysia*. *Jurnal Peradaban*. Jil (9), 32-50. Diambil daripada <https://ejournal.um.edu.my/index.php/ADAB/article/view/4588/2379>
- Mohd Yuszaidy (2018). *Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan dan Agensi Pelaksana di Malaysia*. *Jurnal Melayu*. 17(2). pp. 143-157 diambil daripada <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/28661/8523>
- Noriah Mohamed & Omar Yusoff (2010). *Daripada Jawi Peranakan kepada Melayu: Tinjauan terhadap Komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang pada Abad ke-2 internatioal journal of the malay world and civilization*. 28 (2). pp. 63-87. Diambil daripada http://journalarticle.ukm.my/1258/1/SARI_28%5B2%5D2010_%5B03%5D.pdf
- Nor Hayati Sa'at, Ibrahim Mamat & Mohd Zaifurin Wan Nawang (2017). *Pola perubahan Sosiobudaya dan Mobiliti Sosial dalam Kalangan Komuniti Muara di Pantai Timur Semenanjung Malaysia*. *AKADEMIKA*, 87 (3). pp. 165-178. ISSN 0126-5008. Diambil daripada <http://ejournal.ukm.my/akademika/issue/view/949>
- Omar Yusoff (2005). *Kaum Jawi Peranakan di Pulau Pinang; Isu-Isu Budaya Dalam Konteks Pembentukan Masyarakat Majmuk di Malaysia*. Tesis Master, Universiti Sains Malaysia. Diambil daripada [http://eprints.usm.my/35904/1/OMAR_BIN_YUSOFF_\(KHK\)__\(NN24\).pdf](http://eprints.usm.my/35904/1/OMAR_BIN_YUSOFF_(KHK)__(NN24).pdf)
- Omar Yusoff, et al. (2013). *Pemikiran dan Falsafah Adat Resam Perkahwinan Jawi Peranakan Pulau Pinang*. *Jurnal of Human Development and Communication*. Vol (2), 141-159). Diambil daripada https://johdec.unimap.edu.my/images/PDF/JOHDEC%20VOL%202%202013/Vol_2_2013_10_141-159.pdf

- Qayherah Ahmad Zam Zam (2015). *Komodifikasi Budaya Orang Asli dalam Pelancongan: Kelestarian Identiti Budaya Komuniti Orang Asli di Rancangan Pengumpulan Semula Air Banun, Gerik, Perak*. Tesis Master, Universiti Sains Malaysia. Diambil daripada <http://eprints.usm.my/30440/1/QAYHERAH.pdf>
- Razali. M. F, Hassan. B. A & Latif. R (2014). *Pemuliharaan Warisan Terpinggir: Menanggap Peranan Medium Sinema*. Jurnal Komunikasi. 32 (1. 208-223. ISSN 2289-1528. Diambil daripada <https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/14732/7655>
- Rohayati Paidi, Md Nasrudin Md Akhir & Asmadi Hassan (2018). Aplikasi Peranti Analitikal 'Cultural Diamond' Dalam Analisis Pembentukan Komuniti Sub-Budaya Jepun di Malaysia. *Akademika* 88(1). pp. 74-89. Diambil daripada <http://journalarticle.ukm.my/11949/1/17481-73987-1-PB.pdf>
- Ramlah Daud (2010). *Budaya dan persoalan identiti dalam kalangan komuniti Bugis di persempadanan Pulau Sebatik, Sabah*. Master thesis, Universiti Malaysia Sabah. Diambil daripada <https://eprints.ums.edu.my/id/eprint/6592/>
- Siti Aminah Mohd Sam & Wee, Seow Ta (2013). Kelestarian Pembangunan Sosiobudaya Komuniti Orang Asli. *Kertas Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke 4*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Diambil daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/12008468.pdf>
- Shahrul Yani, Hasnizan Aksar & Elma Dewiyana Ismail (2013). *Heritage Conservation and Regeneration of Historic Areas in Malaysia*. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, Universiti Teknologi MARA.105. pp. 418-428. Diambil daripada <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042813044194>
- Siti Fairus Mohd Yusof & Nor Hayati Sa'at (2019). *Antara Tradisi dan Pembangunan dalam Konteks Perubahan Sosiobudaya Komuniti Muara*. *AKADEMIKA*. 89 (3). pp. 28-38. ISSN 0126-5009. Diambil daripada <https://ejournal.ukm.my/akademika/artikel/view/2565/9905>
- Syahmi Dorahman (2018). *Pengurusan Beduk dalam Budaya Masyarakat Melayu di Sungai Besar, Selangor*. Tesis Degree, Universiti Malaysia Sarawak. Diambil daripada <https://ir.unimas.my/id/eprint/23636/1/PENGURUSAN%20PEMULIHARAAN%20INSTRUMEN%2024pgs.pdf>.
- Sugiyono (2008). *Metode Penelitian Kuantitatif Kualitatif dan R&D*. Bandung: ALFABETA. eJournal Administrasion Negara, Volume 1. pp. 1-10 ISBN: 979-8433-71-8. Diambil daripada <https://www.scribd.com/document/391327717/Buku-Metode-Penelitian-Sugiyono>

LAMPIRAN

TRANSKRIP TEMUBUAL

INFORMAN 1

Tarikh Interview: 3 November 2021

Durasi Interview: 45 Minit

Lokasi: Google Meet

Nama	Prof. Dato' Dr Ahmad Murad Merican
Umur	63 Tahun
Bangsa	Melayu
Pekerjaan	Seorang Pensyarah dan seorang penulis buku serta jurnal.

	INTERVIEW TRANSKRIP
A	Assalamualaikum, dengar tak?
B	Ha dengar, dengar. Boleh dengar?
A	Ha boleh boleh
B	Okey
A	Boleh start ka?
B	Ha boleh. Kamu ni tahun berapa belajar di Umk?
A	Tahun 4
B	Kos apa ?
A	Kos warisan budaya
B	Haa ok ok
A	Nama saya Najihah. Kita mula dengan soalan pertama ya. Saya panggil prof ya?
B	Boleh boleh
A	Soalan 1. Di manakah taburan komuniti Jawi Peranakan pada hari ini? di Penang atau seluruh Dunia?
B	Aa sebelum tu saya nak terangkan sikit tentang kefahaman kita tentang Jawi Peranakan.
A	Ya boleh
B	Kefahaman eh kefahaman kita tentang istilah Jawi Peranakan. Jawi Peranakan ialah kita bukan mudah boleh memberi label atau mengenal pasti orang tu sebagai Jawi Peranakan. Walaupun takrif Jawi Peranakan adalah kacukan Melayu dengan keturunan dari benua India. Itu yang

	ditakrifkan sebagai Jawi Peranakan. Dia ada dua, satu Jawi Pekan satu Jawi Peranakan. Jadi apabila disebut Jawi Peranakan dan Jawi Pekan, kita merujuk kepada keturunan hasil daripada perkahwinan Melayu dengan mereka dari benua India. Jadi mereka ini digelar sebagai Jawi Peranakan sebab kahwin campur. Jawi Peranakan ni merujuk kepada Melayu tapi di Malaysia ni ramai penduduk Melayu yang membawa identiti Melayu adalah keturunan daripada datuk nenek mereka daripada India. Di Kelantan ramai, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan semua negeri. Sabah Sarawak pun ada.
A	Kiranya bukan di penang saja la
B	Ha bukan di Penang saja. Tapi istilah Jawi Peranakan ataupun Jawi Pekan hanya digunakan di Pulau Pinang ataupun di Singapura pada satu masa dulu. Namun begitu, bukan semua Melayu Tanjung atau Melayu Pulau Pinang menggunakan istilah Jawi Peranakan ataupun Jawi Pekan. Apabila kita tanya misalnya kita tanya beberapa orang mengenai istilah Jawi Peranakan atau Jawi Pekan. Walaupun mereka berketurunan kacukan atau campuran peranakan Melayu dan India. Ada yang kata mereka tak pernah dengar. Ada yang kata tak faham, ada yang kata tak tahu. Mereka menggelar diri mereka sebagai Melayu jadi tidak guna vocabulary Jawi Peranakan itu pun di Pulau Pinang ataupun kedah. Di Kelantan pun ada tapi tak guna istilah Jawi Peranakan. Mereka guna tok syekh. Kelantan guna jugak Keling. Merujuk kepada keturunan melayu dan india. Di Melaka digunakan peranakan keling bukan Jawi Peranakan. Jadi apabila kita nak cakap taburan itu, taburan itu mestilah berdasarkan kepada kesedaran kelompok itu dalam membawa satu institusi sosial. Walaupun semua jawi peranakan adalah melayu tapi kesedaran mereka sebagai jawi peranakan itu hanya ada pada segelintir kelompok sahaja. dalam kelompok jawi peranakan yang banyak mungkin 2, 3 peratus sahaja yang membawa identiti Jawi Peranakan. Yang lain anggap diri mereka sebagai melayu ataupun malu nak sebut kumpulan India. Malu sebab tamil ataupun yang mana dari India utara yang banyak kat Kelantan ataupun daripada yang cakap Urdu dan Hindi. Mereka mengaggap mereka telah berasimilasi di Malaysia dan berkahwin dengan Melayu mereka beridentiti Melayu tetapi mereka mengaggap atau sebut diri mereka sebagai Benggali. Keturunan Benggali. Itu tak betul. Sebab keturunan Benggali daripada Benggol atau Bangla sekarang ni. Itu betul lah Benggali bukannya daripada Utara Panja ataupun daripada Pasai ataupun Gujerati. Itu bukan keturunan Benggali, itu keturunan India. Dan keturunan dari India ni tak ramai. Yang dominan ialah mereka yang bercakap Tamil. Jadi apabila kita bercakap Jawi Peranakan, intinya identiti atau keturunan la bukan identiti, identiti Melayu. Inti keturunan budaya adalah dari India Selatan. Daripada Tamil Nandu ataupun daripada Malabar. Kadang-kadang prejudis Melayu terhadap istilah Jawi Pekan atau Jawi Peranakan atau yang dikaitkan dengan keturunan India. Jadi kalau nak kata taburan itu berdasarkan kepada kesedaran, berdasarkan kepada satu pengetahuan kaitan keturunan. Kalau nak sebut taburan, ya di Pulau Pinang. Di Kedah pun ramai tapi kita

	<p>tak tau keturunan mereka. Mereka akan identifi diri mereka sebagai Melayu. Di Kelantan Kota Bharu pun sama jugak. Walaupun ada yang boleh trace tapi mereka di Kelantan, makan budu bukan makan capati atau roti nan atau roti tempayan. Dominan culture, di Kelantan, di Terengganu, di Pahang adalah lain walaupun tok nenek mereka mungkin daripada keturunan India ataupun Arab. Jawi Peranakan ni jugak ada elemen keturunan Arab. Keturunan ni jugak ramai di Pulau Pinang. Jadi taburan tu bukanlah yang boleh nampak</p>
A	Jadi taburan tu daripada kesedaran depa lah yang depa ada keturunan tu
B	<p>Haa kesedaran itu, jadi kesedaran itu kalau kita lah tengok dalam zaman-zaman moden dalam masa 40, 50 tahun ataupun zaman yang lebih moden ini kesedaran ada di Kedah sikit, di Pulau Pinang sikit dan Lembah Kelang. Di Lembah Kelang ni ramai orang Melayu daripada Pulau Pinang. Jadi bila depa duduk berkelompok. Secara kolektif mereka rasa bahawa mereka Jawi Pekan. Untuk membezakan sikap mereka daripada orang Melayu. Bukan identiti. Identiti ni Melayu la. Bukan Melayu tapi sikap mereka mungkin sedikit style thinking sedikit, dari segi makanan, rasa dan sebagainya ada perbezaan dengan Melayu. Memang ada perbezaan lah sikit.</p>
A	Ya faham. Sebabnya kadang-kadang baca dalam buku, tak berapa nak faham. Buku Jawi Peranakan
B	<p>Buku Jawi Peranakan yang ditulis, dia kadang-kadang terlalu memperkotak-kotakkan. Identiti Jawi Peranakan lain ni dia free, dia berubah-ubah. Dia tidak ada formal kategori. Formal kategori sebagai bangsa ataupun keturunan di antara tahun 1880-an sehingga tahun 1872 sahaja. Dulu di dalam kad pengenalan dan surat beranak di Pulau Pinang Tanjung, bangsa disebut Jawi Pekan atau Jawi Peranakan. Ada disebut sebagai kategori yang formal. Selepas itu, tidak disebut lagi. Jadi apa yang ada dalam buku tu tidak begitu tepat sebenarnya. Seseorang yang berketurunan Jawi Peranakan, keturunan dia mungkin akan jadi Melayu lebih Melayu atau lebih keling. Bergantung kepada siapa yang anak dia kahwin atau cucu cicit dia kawin. So dia boleh berbalik kepada identiti keling, orang Pulau Pinang kata keling. Dia boleh berbalik kepada India dan juga dalam satu keluarga besar di kalangan sepupu ada yang lebih Melayu daripada Jawi pekan atau pun setengah tu keluarga tu keluarga Jawi Pekan, tapi ada yang lebih Melayu dan ada yang lebih India. Ini pun wujud juga dalam satu keluarga besar. Apatah lagi di kalangan dua, tiga pupu. Mungkin dua pupu boleh bercakap Tamil tapi yang lain tak boleh cakap Tamil, boleh cakap Melayu.</p>
A	Untuk soalan kedua, boleh ceritakan sedikit tentang sejarah awal pembentukan Jawi Peranakan di Pulau Pinang?
B	<p>Sejarah di Pulau Pinang ni daripada beribu-ribu tahun kalau kita ambik daripada keturunan, budaya dan perdagangan. Orang daripada benua India telah berlabuh, menghuni di semenanjung Tanah Melayu Kedah dan Pulau Pinang sejak katakanlah kita ambik 2000 tahun yang lalu. Tapi mereka tak dikenali sebagai Jawi Peranakan. Cuma identiti Jawi Peranakan ini</p>

	dibentuk dan dicipta dalam tahun 1820 an. Ini merupakan catatan yang ditulis tapp kesedaran dalam kalangan orang Melayu kawin campur ini adalah mereka sedar mereka Melayu. Jawi itu merujuk kepada Melayu dan ekan itu merujuk kepada pekan. Mereka yang duduk di pekan. Maksudnya di sini, untuk membezakan dengan Melayu yang duduk di luar Bandar. Faham dak?
A	Faham faham.
B	Jadi kesedaran dan kategori ini mula digunakan pada abad yang ke 19 untuk merujuk kepada keturunan identiti yang wujud di Pulau Pinang dan Kedah. Kita kena sebut dua dua sebab tanpa Kedah, tidak ada Pulau Pinang. Bukan sahaja di Pulau Pinang, mereka telah belayar ke Kuala Kedah dan Pulau Pinang untuk berdagang sejak dulu lagi.
A	Jawi Peranakan ni banyak gelaran dia kan, antaranya apa ya selain daripada Jawi Pekan.
B	Dia ada dua lah satu Jawi Pekan satu Jawi Peranakan. Gelaran macam mana? Tak faham
A	Macam orang Tanjung ka haa
B	Oh ok. Semua ni boleh digolongkan sebagai orang Tanjung. Orang Tanjung ni merujuk kepada dua maksud. Satu maksud mereka yang menghuni di Tanjung, George Town. Yang umumnya mereka yang daripada Jawi Peranakan, Jawi Pekan dan ada jugak orang Melayu digelar sebagai orang Tanjung. Orang Tanjung ni merujuk kepada orang Pulau Pinang. Orang pulau tapi bukan semua orang Pulau Pinang. Dia hanya di sekitar timur laut dan timur Pulau Pinang sahaja. itu maksud orang tanjung. Ada dua maksud lah. Satu orang George Town yang dulu dikenali sebagai tanjung penaga satu ialah orang di Pulau Pinang.
A	Ok faham. Soalan seterusnya pula ialah apakah budaya perkahwinan sebenar yang diamalkan oleh komuniti Jawi Peranakan ini
B	Sebenarnya budaya perkahwinan ni budaya Melayu. Sama ja macam budaya Melayu.
A	Yang macam saya baca ziarah kubur selepas akad nikah tu apa ya?
B	Itu em ada la beberapa adat yang diamalkan dahulu pada abad ke 18 abad dan ke 19. Macam orang Melayu juga lah ziarah kubur masa raya kan aidilfirtri. Jawi peranakan pun ada jugak sebagai satu adat
A	Kiranya dah berubah la. tak ada dah budaya tu memang ikut Melayu lah
B	Haa yaa memang ikut Melayu ada. Kategori Melayu lah. Sebab Jawi Peranakan ni secara amnya cakap Melayu jugak. Mengamalkan budaya Melayu dan mungkin ada perbezaan agak besar sedikit yang ketiga adalah agama Islam. Jadi mungkin di Pulau Pinang ni ada beberapa adat yang nak kata berbeza pun tidak sebab ada orang Melayu pun amalkan suap gula jugak. Suap gula ni di tempat lain pun ada jugak kan. Tapi sekarang ni makin kurang. Tapi yang suap gula ni bukan saja adat Jawi peranakan tapi umumnya adat orang Islam di India. Suap gula, suap benda-benda yang manis. Kalau kita pergi ke India, di Iran sama jugak. Itu beberapa yang saya tau lah. Mengenai adat perkahwinan ni tak banyak perbezaan. Dulu mungkin ada lah pakai sari dan sebagainya tapi sekarang ni kalau pakai

	pun nak mengada-ngada ja lah. Bukan jadi satu adat resam macam dulu. Telah banyak asimilasi dengan adat resam Melayu.
A	Tapi ada tak macam inisiatif untuk memulihara budaya perkahwinan tu balik?
B	Tidak, tidak ada galakan, tidak ada kesedaran untuk kembali kepada budaya India. Kecuali keluarga itu ada yang bapak dia daripada India ataupun datuk daripada India dan mungkin mereka membawa tradisi itu. Tapi kalau dah generasi ke 6, 7 ke atas tu tidak ada. Kalau ada pun generasi pertama atau kedua. Itu pun mungkin segelintir sahaja. Bukan satu perkara yang lazim.
A	Sejauh mana tahap penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam memulihara budaya perkahwinan agar tidak dilupakan oleh generasi akan datang
B	Berbalik kepada apa yang saya kata tadi, ia bergantung kepada individu itu sendiri. Dia kena mengaku dia Jawi Peranakan. Kalau saya, saya Jawi Pekan. Dalam keluarga saya, istilah Jawi Pekan ini digunakan jadi dalam kalangan keluarga jadi saya tahu. Saya tahu sebab saya study, saya kaji sebagai scholar dan sebagai ahli dalam group itu (gelak). Dengan kelompok yang identify their self as Jawi Peranakan. Di mana ada kesedaran untuk kembali menjaga identiti ini. Sebelum ini tidak ada sebab kealpaan tapi kesedaran tu timbul kembali tahun 1980 an akan wujudnya komuniti yang dikatakan sebagai Jawi Peranakan.
A	Ok setakat itu sahaja soalan saya untuk hari ini. terima kasih kerana luangkan masa Prof untuk temu bual ini.
B	Ok terima kasih (Left)

INFORMAN 2

Tarikh Interview: 13 November 2021

Durasi Interview: 45 Minit

Lokasi: Melalui telefon (call)

Nama	Misnah
Umur	42 Tahun
Bangsa	Melayu
Pekerjaan	Suri Rumah

	TRANSKRIP
A	Assalamualaikum, saya Nur Najihah Hashaim daripada Universiti Malaysia Kelantan. Boleh kita mulakan dengan soalan pertama puan?
B	Walaikumsalam, ya boleh. Silakan
A	Baik. Di manakah taburan komuniti Jawi Peranakan hari ini? di Penang sahaja atau di seluruh dunia?
B	Emm taburan eh, kalau kita nak kata taburan Jawi Peranakan ni ada di mana-mana negeri di Malaysia ni terutamanya di Melaka, Perlis, Kedah dan sebagainya. Kalau luaq dari Malaysia ni di Singapura pun ada. Dulu banyak komuniti Jawi Peranakan di Singapura. Kalau harini kat Malaysia kelompoknya banyak di Pulau Pinang lah. Kalau Singapura saya tak pasti masih ramai atau tidak pada hari ini. Nak diikuti banyak ja kelompok Jawi Peranakan ni di Malaysia tapi yang mengaku sebahagian daripada Jawi Peranakan ni tidak ramai dah. Ia bergantung kepada kesedaran Jawi Peranakan itu sendiri. Kadang Jawi Peranakan tu sendiri tak sedar dia Jawi Peranakan. Tapi banyak kelompok Jawi Peranakan yang kita boleh nampak adalah di Penang, Kelantan pun ada, singapura pun ada, kedah, pun ada. Secara kasarnya, di Penang Itu yang saya tahu lah. Lebih-lebih saya pun tidak berapa tahu sangat. Hahaha
A	Haha. Baik puan. Kita teruskan dengan soalan kedua ya.
B	Baik.
A	Boleh puan ceritakan sedikit tentang sejarah awal pembentukan Jawi Peranakan di Pulau Pinang?
B	Kalau sejarah ni saya kurang tahu sikit. Saya bagitahu apa yang penting ja la ya.
A	Ya boleh
B	Pembentukan Jawi Peranakan di Pulau Pinang bermula dengan perkahwinan campur antara wanita Melayu dengan India Muslim dari India. Anak mereka itu yang kita kenal sebagai Jawi peranakan.

	Kebanyakan India Muslim dulu datang ke Pulau Pinang untuk aktiviti berdagang kemudian bertemu jodoh di Pulau Pinang. Selepas itu wujud lah perkahwinan campur, budaya campur dan sebagainya. Jawi Peranakan ni bukan sahaja campuran India, ada jugak campuran Arab. Jawi Peranakan ni juga dikenali dengan nama Jawi Pekan dalam kalangan masyarakat. Komuniti Jawi Peranakan ni wujud dah lama. Beribu tahun yang lalu. Kiranya Jawi Peranakan ni sama-sama dengan Melayu Pulau Pinang ni memang dah lama wujud. Ok tu ja
A	Faham-faham.
B	Kalau faham bagus
A	Haha. Ok kita teruskan pula dengan soalan ketiga ya. Apakah gelaran-gelaran yang diberikan kepada komuniti Jawi Peranakan semasa awal pembentukannya di Pulau Pinang?
B	Hemm gelaran ni ada 3. Gelaran sekarang adalah Jawi peranakan lah, namun penduduk di Pulau Pinang menggelarkan Jawi Peranakan ni sebagai orang tanjung. Kalau dulu gelaran dia Jawi Pekan sebab komuniti ni banyak tinggal di pekan yang sekarang dikenali sebagai Georgetown. Jadi ada 3 gelaran yang masih digunakan di Pulau Pinang. Berbeza pulak dengan di negeri lain. Negeri lain ni depa guna Keling, sheikh dan sebagainya.
A	Soalan seterusnya ya. Apakah budaya perkahwinan sebenar yang diamalkan oleh komuniti Jawi Peranakan?
B	Kalau dulu banyak lah budaya perkahwinan Jawi Peranakan ni. Tapi sekarang semua ikut Melayu. Kalau budaya sebenar yang kekal sampai sekarang tu suap gula ja la. Tapi sekarang Melayu pun ikut adat tu. Jadinya memang adat Jawi Peranakan ni dah diasimilasikan dengan budaya Melayu. Kalau tanya pasai budaya sebenar ni saya kurang tahu la sebabnya dari dulu memang ikut budaya Melayu
A	Pada pendapat Puan, adakah budaya perkahwinan sebenar komuniti Jawi Peranakan semakin berubah pada hari ini?
B	Kalau ikut pendapat saya la, budaya perkahwinan Jawi Peranakan ni tak berubah pun. Sebab memang dah ikut budaya perkahwinan Melayu. Jawi Peranakan ni wujud sangat lah lama. Jadinya budaya asalnya saya pun tak berapa tahu. Nenek moyang saya pun amalkan budaya Melayu dah. Jadi sampai ke saya dan anak saya jadi budaya Melayu.
A	Ohh macam tu, baiklah. Kita teruskan dengan soalan lain ya
B	Ha ya baik.
A	Adakah komuniti Jawi peranakan mempunyai inisiatif untuk memulihara budaya perkahwinan untuk generasi akan datang?
B	Rasanya takda inisiatif untuk pulihkan budaya perkahwinan ni kalau dalam kalangan komuniti Jawi Peranakan hari ini. Daripada pihak kerajaan mungkin ada. Generasi yang pertama atau kedua juga mungkin masih memulihara budaya perkahwinan Jawi Peranakan ini. Sebab bapa atau tok wan mereka berasal dari India. Kalau yang dah generasi ke 11 macam saya ni dah lama kat Malaysia. Budaya sebenar pun tak tahu dah.

A	Faham faham. Soalan ke tujuh pula. Apakah faktor yang menyebabkan budaya perkahwinan Jawi Peranakan berubah.
B	Hem faktor ni ada banyak. Yang pertama tu sebab peredaran zaman lah. Sebab dah berzaman komuniti Jawi Peranakan ni wujud kan, jadi banyak perubahan yang berlaku termasuk budaya perkahwinan Jawi Peranakan. Yang keduanya sebab agama lah. Kalau dari segi agama ni dulu mungkin ada adat yang bertentangan dengan ajaran Islam jadinya sekarang banyak yang ikut budaya Melayu ja. Memang ikut Melayu sepenuhnya. Ok?
A	Ya ok baik. Kita pergi soalan yang terakhir. Pada pendapat puan, sejauhmanakah tahap penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam memulihara budaya perkahwinan agar tidak dilupakan oleh generasi akan datang?
B	Bagi saya penglibatan komuniti Jawi Peranakan untuk memulihara budaya perkahwinan ni mungkin dalam kalangan Jawi Peranakan generasi baharu seperti generasi pertama dan kedua sahaja. Generasi lama ni dah mengamalkan banyak budaya Melayu sepenuhnya dah.
A	Ok, ok faham. Setakat tu ja soalan temu bual kali ini. Puan ada nak tambah apa-apa ka?
B	Aaaa tak ada
A	Ok. Terima kasih Puan
B	Sama-sama (Left)

INFORMAN 3

Tarikh Interview: 13 November 2021

Durasi Interview: 35 Minit

Lokasi: Melalui telefon (call)

Nama	Siti Hajar Binti Mat Isa
Umur	46 Tahun
Bangsa	Melayu
Pekerjaan	Kilang

	TRANSKRIP
A	Assalamualaikum, Saya Najihah daripada Universiti Malaysia Kelantan. Boleh saya mula untuk temu bual puan mengenai Jawi Peranakan
B	Walaikumsalam. Boleh boleh tak dak masalah
A	Boleh puan perkenalkan diri?
B	Nama saya Siti Hajar Binti Mat Isa. Berumur 46 tahun
A	Baiklah. Kita teruskan dengan soalan yang pertama iaitu Di manakah taburan komuniti Jawi Peranakan hari ini? di Penang sahaja atau di seluruh dunia?
B	Berdasarkan pengetahuan saya, taburan Jawi Peranakan ni mengikut atas seseorang Jawi Peranakan itu. Jawi Peranakan ni ada di banyak negeri. Kita tak boleh cakap jawi Peranakan tu kat Penang sahaja. Ia bergantung kepada kesedaran Jawi Peranakan itu sendiri. Kadang Jawi Peranakan tu sendiri tak sedar dia Jawi Peranakan. Tapi banyak kelompok Jawi Peranakan yang kita boleh nampak adalah di Penang, Kelantan pun ada, Singapura pun ada, Kedah, pun ada. Secara kasarnya, di Penang lah.
A	Oh begitu, baiklah soalan yang seterusnya pulak ialah Boleh puan ceritakan sedikit tentang sejarah awal pembentukan Jawi Peranakan di Pulau Pinang?
B	Pembentukan Jawi Peranakan di Pulau Pinang bermula dengan perkahwinan campur antara wanita Melayu dengan India Muslim dari India. Anak mereka itu yang kita kenal sebagai Jawi Peranakan. Kebanyakan India Muslim dulu datang ke Pulau Pinang untuk aktiviti berdagang kemudian bertemu jodoh di Pulau Pinang. Selepas itu wujud lah perkahwinan campur, budaya campur dan sebagainya. Jawi Peranakan ini bukan sahaja campuran India, ada juga campuran Arab. Jawi Peranakan ni juga dikenali dengan nama

	Jawi Pekan dalam kalangan masyarakat. Komuniti Jawi Peranakan ni wujud dah lama. Beribu tahun yang lalu. Kiranya Jawi Peranakan ni sama-sama dengan Melayu Pulau Pinang ini memang sudah lama wujud.
A	Faham. Soalan yang ketiga pula ialah apakah gelaran-gelaran yang diberikan kepada komuniti Jawi Peranakan semasa awal pembentukannya di Pulau Pinang?
B	emm gelaran kalau la ni Jawi Peranakan lah. Tapi penduduk di Pulau Pinang bagi gelaran dekat depa ni orang tanjung. Kalau dulu gelaran dia Jawi Pekan lah sebab komuniti ni tinggal di pekan.
A	Kita teruskan dengan soalan ke empat ya puan?
B	Eh boleh boleh
A	Baiklah. Apakah budaya perkahwinan sebenar yang diamalkan oleh komuniti Jawi Peranakan?
B	Boleh dikatakan Jawi Peranakan ni amalkan budaya perkahwinan orang Melayu. sebab komuniti ni dah wujud lama di Pulau Pinang. Jadi generasi sekarang pun tak tahu dah pasai budaya mereka ini. Tok nenek kami sendiri amalkan budaya perkahwinan Melayu. Kecuali kalau ada generasi 1 dan kedua yang tok nenek depa berasal dari India
A	Ohh macam tu ya
B	Iya
A	Soalan seterusnya pula ialah pada pendapat Puan, adakah budaya perkahwinan sebenar komuniti Jawi Peranakan semakin berubah pada hari ini?
B	pendapat saya lah kita tak boleh kata berubah la sebab budaya jawi peranakan ni sama ja dengan orang melayu. banyak adat yang dibawa daripada India, Arab dengan Melayu. Contohnya, suap gula. Yang ni selalu kita Nampak. Budaya ni jugak ada yang orang melayu amalkan
A	Betul tu. Komuniti Jawi peranakan ni ada tak inisiatif untuk memulihara budaya perkahwinan untuk generasi akan datang?
B	generasi 1 dan ke dua mungkin ada yang nak memelihara budaya ni. Tapi kalau yang dah lama-lama ni tidak ada dah inisiatif untuk memulihara budaya Jawi Peranakan. Tapi daripada pihak kerajaan, ada la inisiatif untuk memulihara budaya ini daripada dilupakan. Sebagai salah satu contoh, memulihara rumah Jawi Peranakan sebagai Galeri
A	Soalan lain pula, apakah faktor yang menyebabkan budaya perkahwinan Jawi Peranakan berubah
	Sebab yang pertama Jawi Peranakan ni dah amalkan budaya Melayu sepenuhnya yang kedua peredaran zaman. Seterusnya ramai Jawi Peranakan ni dah berkahwin campur dan berpindah ke negeri lain jadinya mereka tak amalkan budaya India dah.
A	Soalaa terakhir pula ialah Pada pendapat puan, sejauhmanakah tahap penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam memulihara

	budaya perkahwinan agar tidak dilupakan oleh generasi akan datang?
B	Pada pendapat saya golongan Jawi Peranakan yang memelihara budaya ini mungkin generasi baharu sahaja. Saya pun tak tau kalau ada generasi lama yang masih ingin menjaga dan mengamalkan semula budaya yang dibawa daripada India.
A	Baiklah. Setakat itu sahaja soalan saya mengenai komuniti Jawi Peranakan. Terima Kasih Puan Siti.
B	Ya baik, sama-sama.

BORANG SOAL SELIDIK

ETKWW

Penglibatan Komuniti Jawi Peranakan Dalam Pemuliharaan Budaya Perkahwinan Di Georgetown, Pulau Pinang.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Saya Nur Najihah Binti Hashaim merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan daripada Universiti Malaysia Kelantan sedang menjalankan kajian yang bertajuk Penglibatan Komuniti Jawi Peranakan Dalam Pemuliharaan Budaya Perkahwinan Di Georgetown, Pulau Pinang. Kajian ini dijalankan bagi memenuhi syarat kursus Projek Penyelidikan II (CFT 4134). Soal selidik ini diedarkan untuk mencapai objektif kajian yang sedang dijalankan. Objektif kajian ini adalah meneroka sejarah kewujudan komuniti Jawi Peranakan di George Town, Pulau Pinang. Yang kedua adalah menghuraikan faktor yang menyebabkan budaya perkahwinan komuniti Jawi Peranakan di George Town, Pulau Pinang semakin berubah pada hari ini. Objektif ketiga adalah menganalisis penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam pemuliharaan budaya perkahwinan.

Soal selidik ini mengandungi 4 bahagian yang terdiri daripada:

Bahagian A : Demografi

Bahagian B : Sejarah komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang

Bahagian C : Faktor perubahan budaya perkahwinan Jawi Peranakan

Bahagian D: Penglibatan komuniti Jawi Peranakan dalam memelihara budaya perkahwinan berdasarkan teori Arnstein (1970).

Sila baca soalan dengan teliti dan jawab semua soalan di setiap bahagian.

Nota: Soal selidik ini digunakan bagi tujuan akademik semata-mata dan semua maklumat anda dirahsiakan. Sekiranya anda mempunyai sebarang masalah atau pertanyaan berkaitan soalan soal selidik ini, anda boleh berhubung dengan saya melalui email najihah.c18a0306@siswa.umk.edu.my.

Terima Kasih kerana meluangkan masa anda untuk menjawab soal selidik ini.

BAHAGIAN A DEMOGRAFI

ARAHAN: Sila tanda maklumat anda pada ruangan yang berkenaan

Umur *

- 20-30 Tahun
- 31-40 Tahun
- 41-50 Tahun
- 50 Tahun ke atas

Jantina *

- Lelaki
- Perempuan

Bangsa *

Melayu

India

Cina

Lain-lain

Bahagian ini mempunyai 10 soalan. Jawab semua soalan.

Bahagian ini adalah untuk menguji pengetahuan komuniti tentang sejarah Jawi Peranakan di Pulau Pinang. Bahagian ini mempunyai 10 soalan. Jawab semua soalan.

ARAHAN: Sila tandakan jawapan anda pada ruangan yang disediakan

1. Perkahwinan campur antara India Muslim dan wanita Melayu telah membentuk komuniti Jawi Peranakan *

- Ya
- Tidak

2. Dasar buka pintu pada zaman pemerintahan British iaitu pada tahun 1786 menggalakkan lagi pembentukan Jawi Peranakan di Pulau Pinang *

- Ya
- Tidak

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

3. Komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang mula terbentuk sekitar tahun 1700 *

Ya

Tidak

4. Jawi Peranakan dan orang Melayu adalah masyarakat pertama yang menerokai Pulau Pinang *

Ya

Tidak

5. Jawi Peranakan banyak memberi sumbangan dalam pembentukan masyarakat di Pulau Pinang *

Ya

Tidak

6. Pembukaan pelabuhan Pulau Pinang telah menarik ramai Jawi Peranakan dari kedah ke Pulau Pinang *

Ya

Tidak

7. Kapitan keling mempunyai kaitan dengan pembentukan Jawi Peranakan di Pulau Pinang *

Ya

Tidak

8. Komuniti Jawi Peranakan mempunyai keunikan yang tersendiri dari segi budaya perkahwinan, pertuturan dan gaya hidup *

Ya

Tidak

9. Sesetengah komuniti Jawi Peranakan mempunyai nama keluarga mereka yang tersendiri *

- Ya
- Tidak

10. Pembentukan komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang berlaku secara berperingkat-peringkat. *

- Ya
- Tidak

BAHAGIAN C: FAKTOR PERUBAHAN BUDAYA PERKAHWINAN JAWI PERANAKAN

Bahagian ini mempunyai 9 soalan. Jawab semua soalan

ARAHAN: Sila tandakan pada skala:-
 1- Sangat tidak setuju
 2- Tidak setuju
 3- Kurang setuju
 4- Setuju
 5- Sangat setuju

1. Generasi muda Jawi Peranakan hari ini telah mengamalkan budaya Melayu sepenuhnya. *

- | | | | | | | |
|---------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|---------------|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | |
| Sangat tidak setuju | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> | Sangat setuju |

2. Budaya dan adat resam perkahwinan Jawi Peranakan mempunyai pengaruh agama Hindu *

3. Sesetengah komuniti masih lagi memelihara dan mengikuti adat dan budaya perkahwinan sebenar mereka *

1 2 3 4 5

Sangat tidak setuju Sangat setuju

4. Ramai golongan Jawi Peranakan pada hari ini telah menjadi Melayu dan meninggalkan identiti mereka. *

1 2 3 4 5

Sangat tidak setuju Sangat setuju

5. Penghijrahan komuniti Jawi Peranakan ke negeri lain menjadi faktor budaya perkahwinan mereka semakin berubah *

1 2 3 4 5

Sangat tidak setuju Sangat setuju

...

6. Peredaran zaman telah menyebabkan budaya dan adat resam perkahwinan Jawi Peranakan semakin berubah *

1 2 3 4 5

Sangat tidak setuju Sangat setuju

7. Generasi hari ini kurang mengambil tahu dan tidak lagi mengamalkan budaya perkahwinan mereka. *

1 2 3 4 5

Sangat tidak setuju Sangat setuju

8. Perkahwinan campur antara Jawi peranakan dengan kaum lain menyebabkan budaya perkahwinan mereka berubah *

1 2 3 4 5

Sangat tidak setuju Sangat setuju

...

9. Budaya perkahwinan Jawi Peranakan bertentangan dengan ajaran agama Islam. *

1 2 3 4 5

Sangat tidak setuju Sangat setuju

BAHAGIAN D: PENGLIBATAN KOMUNITI JAWI PERANAKAN DALAM PEMULIHARAAN BUDAYA PERKAHWINAN

Bahagian ini merupakan bahagian terakhir dan mempunyai 4 soalan. Sila Jawab semua soalan

ARAHAN: Sila tandakan pada skala:-

- 1- Sangat tidak setuju
- 2- Tidak setuju
- 3- Kurang setuju
- 4- Setuju
- 5- Sangat setuju

1. Komuniti Jawi Peranakan melibatkan diri dalam aktiviti kebudayaan yang dianjurkan oleh kerajaan negeri bagi pemuliharaan budaya perkahwinan. *

	1	2	3	4	5	
Sangat tidak setuju	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Sangat setuju

2. Komuniti Jawi Peranakan perlu menyertai simposium 'The Making of a Nation' yang dianjurkan oleh Pertubuhan Warisan Jawi Peranakan *

<p>3. Komuniti Jawi Peranakan mengetahui usaha pihak kerajaan untuk merakam kembali perubahan yang berlaku terhadap budaya perkahwinan *</p>						
Sangat tidak setuju	1	2	3	4	5	Sangat setuju
<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	
<p>4. Pihak kerajaan berunding dengan wakil Jawi Peranakan untuk menjemput seorang pakar warisan budaya dalam forum rancangan pemuliharaan budaya *</p>						
Sangat tidak setuju	1	2	3	4	5	Sangat setuju
<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	
<p>5. Komuniti Jawi Peranakan memberi pandangan atau cadangan kepada pihak kerajaan untuk mengadakan motivasi tentang menyelusuri sejarah dan warisan budaya Pulau Pinang *</p>						
Sangat tidak setuju	1	2	3	4	5	Sangat setuju
<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	
<p>6. Komuniti Jawi Peranakan dan pihak kerajaan bersama-sama menganjurkan program transformasi pemikir budaya agar budaya perkahwinan dapat dikekalkan *</p>						
Sangat tidak setuju	1	2	3	4	5	Sangat setuju
<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	
<p>7. Komuniti Jawi Peranakan mengadakan lawatan ke galeri Melayu Pulau Pinang kepada penduduk Pulau Pinang dengan bantuan pihak kerajaan negeri *</p>						
Sangat tidak setuju	1	2	3	4	5	Sangat setuju
<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	
<p>8. Komuniti Jawi Peranakan melibatkan diri dalam Pertubuhan Warisan Jawi Peranakan (JAWI) di Pulau Pinang. *</p>						
Sangat tidak setuju	1	2	3	4	5	Sangat setuju
<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	
<p>8. Komuniti Jawi Peranakan melibatkan diri dalam Pertubuhan Warisan Jawi Peranakan (JAWI) di Pulau Pinang. *</p>						
Sangat tidak setuju	1	2	3	4	5	Sangat setuju
<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	